

# MODUL MENGENAI ADVOKASI BAGI HAK ASASI PENDUDUK PERIBUMI

PANDUAN PRAKTIKAL UNTUK PENDUDUK  
PERIBUMI SARAWAK MEMPERTAHANKAN  
HAK ASASI MEREKA







Penyelaras Projek:  
Gilbert Sape

Jurulatih:  
Adrian Zakaria (Aidenvironment)  
Betty Tiominar (Aidenvironment)  
Chica Susanti (Aidenvironment)  
Nicholas Mujah (SADIA), Gilbert Sape (PAN AP)  
dan Deeppa Ravindran (PAN AP)

Penulis:  
Patrick Limcaco dan Aidenvironment Team

Editor:  
Gilbert Sape dan Arnold Padilla

Terjemahan ke Bahasa Malaysia:  
Nur Ainina Badzrul Shah

Gambar: Gilbert Sape



aidenvironment



*Buku kecil ini telah dihasilkan dan dicetak dengan bantuan Kesatuan Eropah. Kandungan buku ini adalah tanggungjawab SADIA, PAN AP dan AidEnvironment sepenuhnya dan sama sekali tidak boleh diambil untuk menggambarkan pandangan Kesatuan Eropah.*

# MODUL MENGENAI ADVOKASI BAGI HAK ASASI PENDUDUK PERIBUMI

PANDUAN PRAKTIKAL UNTUK PENDUDUK  
PERIBUMI SARAWAK MEMPERTAHAKAN  
HAK ASASI MEREKA



## PENGENALAN

Buku kecil ini adalah himpunan modul yang digunakan dalam latihan pembinaan kapasiti dalam komuniti penduduk peribumi di Sarawak, khususnya di Kebuaw (Sibu) dan Batang Ai (Lubok Antu). Latihan pembinaan kapasiti telah diadakan pada tahun 2012 dan 2013 dan telah dikendalikan oleh SADIA, PAN AP dan AidEnvironment.

Latihan-latihan tersebut telah dianjurkan dengan tujuan untuk membina kapasiti komuniti peribumi tempatan untuk mempertahankan tanah nenek moyang mereka daripada syarikat-syarikat minyak sawit dan pembalakan. Oleh itu, modul-modul ini memberi tumpuan kepada rangka kerja hak asasi penduduk peribumi, dokumentasi bagi tanah adat anak negeri dan bagaimana untuk melakukan kerja-kerja advokasi.

Beberapa bahagian dari modul rangka kerja dan advokasi telah disesuaikan daripada buku *"Leadership Training For Indigenous Peoples"* ("Latihan Kepimpinan untuk Penduduk Peribumi") yang telah dibangunkan dan diterbitkan oleh Jaringan Penduduk Cordillera (CPA) dan Pakatan Penduduk Peribumi Asia (AIPP).

Buku kecil ini bertujuan untuk memberi panduan dan sebagai pengulas untuk pemimpin-pemimpin komuniti yang mengambil bahagian dalam pelbagai latihan dan kini terlibat dalam menyediakan latihan yang sama kepada komuniti, untuk mempertahankan hak-hak mereka ke atas tanah adat anak negeri mereka. Buku kecil ini juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris.

SADIA, PAN AP dan AidEnvironment ingin mengucapkan terima kasih kepada Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia kerana menyediakan sokongan untuk latihan-latihan tersebut, penghasilan dan penerbitan buku kecil ini di bawah projek *"Protecting the Human Rights to Land and Food of Indigenous Communities in East Malaysia"* ("Melindungi Hak Asasi Manusia terhadap Tanah dan Makanan bagi Komuniti Peribumi di Malaysia Timur").

**Persatuan Dayak Iban Sarawak (SADIA)  
Rangkaian Tindakan Racun Perosak Asia dan Pasifik (PAN AP)  
AidEnvironment**

Latihan biasanya diadakan di rumah panjang, sama seperti latihan ini iaitu di Batang Ai, Sarawak. April 12, 2012.





# I. RANGKA KERJA UNTUK ADVOKASI HAK ASASI PENDUDUK PERIBUMI

## OBJEKTIF:

1. Untuk mempunyai kesedaran, pemahaman dan penghargaan yang lebih baik terhadap hak asasi penduduk peribumi
2. Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai Hak Asasi Adat Anak Negeri di Malaysia

## 1. PENGENALAN: DEFINISI PENDUDUK PERIBUMI

### AKTIVITI: PERBINCANGAN KUMPULAN KECIL

Bahan-bahan yang diperlukan: kertas akhbar atau kertas manila

Bahagikan peserta-peserta kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan akan membincangkan salah satu daripada empat soalan panduan yang disediakan di bawah.

Soalan Panduan:

1. Bagaimana anda mendefinisikan 'penduduk peribumi' dan di manakah mereka boleh dijumpai di Malaysia dan negara-negara lain?
2. Apakah hak-hak asasi penduduk peribumi?
3. Apakah isu-isu, masalah-masalah dan kebimbangan biasa bagi penduduk peribumi?
4. Bagaimanakah penduduk peribumi menangani isu-isu dan kebimbangan mereka?

Selepas perbincangan selama lima belas minit, setiap kumpulan akan membentangkan ringkasan dan perkara-perkara yang menonjol dalam perbincangan mereka kepada seluruh kumpulan. Fasilitator kemudian merujuk kembali perkara yang dibangkitkan oleh para peserta dalam perbincangan berikut mengenai definisi, hak-hak, isu-isu dan pilihan-pilihan penduduk peribumi.

- a. Pada tahun 1971, ECOSOC (Majlis Ekonomi dan Sosial) PBB meluluskan resolusi untuk melaksanakan "Study on the Problem of Discrimination against Indigenous Populations" ("Kajian Masalah Diskriminasi Terhadap Populasi Peribumi"). Jose Martinez-Cobo yang merupakan perwakilan dari Ecuador telah dilantik sebagai Pelapor Khas untuk melakukan kajian ini. Laporan yang dikeluarkan pada tahun 1983 itu menubuhkan definisi kerja penduduk peribumi yang telah menjadi rujukan piawai dalam PBB dan di kawasan lain mengenai penduduk peribumi. Ia menyatakan: "Komuniti, penduduk dan bangsa peribumi adalah mereka yang mempunyai kesinambungan sejarah dengan masyarakat pra-pencerobohan dan pra-kolonial yang memajukan wilayah mereka dan menganggap diri mereka berbeza daripada sektor-sektor lain dalam masyarakat yang sekarang wujud di wilayah-wilayah atau bahagian-bahagian mereka. Pada masa ini, mereka membentuk sektor yang bukan dominan dalam masyarakat dan berazam untuk memelihara, membangunkan dan menyampaikan kepada generasi akan datang wilayah nenek moyang mereka dan identiti etnik mereka sebagai asas kewujudan berterusan mereka sebagai penduduk, selaras dengan corak budaya, institusi sosial dan sistem undang-undang mereka sendiri. Pendek kata, Penduduk Peribumi adalah keturunan dari sebuah wilayah yang diatasi dengan penaklukan atau penempatan oleh orang asing."
- b. Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO ) 169 mengenai Penduduk Peribumi dan Suku Kaum di Negara-negara Bebas yang diterima pakai pada tahun 1989 merujuk kepada:
  - Suku Kaum di negara-negara bebas (yang mana) keadaan sosial, budaya, dan ekonomi yang membezakan mereka dari bahagian-bahagian lain dalam komuniti kebangsaan, dan mereka yang statusnya dikawal keseluruhan atau sebahagian oleh adat resam atau tradisi mereka sendiri atau oleh undang-undang atau peraturan-peraturan khas; dan
  - Penduduk di negara-negara bebas yang dianggap sebagai peribumi dalam catatan keturunan mereka daripada populasi yang mendiami negara itu, atau kawasan geografi yang dimiliki negara itu, pada masa penaklukan atau penjajahan atau penubuhan sempadan bagi negeri semasa dan mereka yang, tanpa mengira status undang-undang mereka, mengekalkan beberapa atau kesemua institusi sosial, ekonomi, budaya dan politik mereka sendiri.

Konvensyen ILO 169 menjelaskan bahawa pengenalan diri sebagai suku kaum peribumi hendaklah dianggap sebagai kriteria asas bagi mengenal pasti kumpulan tersebut, yang mana peruntukan Konvensyen terlaksana ke atasnya.

- c. Penduduk peribumi mempertikaikan kewujudan definisi global mengenai penduduk peribumi kerana ini akan mendatangkan risiko pengecualian bagi beberapa penduduk peribumi. Definisi tidak boleh mencakupi sepenuhnya kepelbagaian penduduk peribumi dan definisi akan cenderung untuk menetapkan ciri-ciri penduduk peribumi, sedangkan ia akan sentiasa berubah dan berkembang. Walau bagaimanapun, definisi kerja hasil kajian Martinez- Cobo digunakan sebagai rujukan apabila isu definisi penduduk peribumi dibangkitkan.
- d. Penduduk peribumi dipanggil dengan istilah yang berbeza di negara yang berbeza, memandangkan kepelbagaian konteks kebangsaan mereka, dan bergantung pada istilah yang digunakan dalam undang-undang dan dasar domestik mereka. Antara istilah yang digunakan untuk merujuk kepada penduduk peribumi adalah: Etnik Minoriti, Suku Kaum Bukit, Orang Bukit atau Gunung, Suku, Anak Negeri, Minoriti Peribumi, Warganegara Peribumi, Puak Terjadual, Suku Kaum atau Komuniti Kebudayaan Peribumi. Istilah tempatan juga digunakan seperti Adivasis di India, Janajati di Nepal, Orang Asal atau Orang Asli di Malaysia, Adi Vaas di Pakistan, Masyarakat Adat di Indonesia, dan Pahari, Jumma, atau Adivasi di Bangladesh.

## 2. DI MANAKAH PENDUDUK PERIBUMI BOLEH DIJUMPAI?

Terdapat kira-kira 340-370 juta penduduk peribumi yang dijumpai di pelbagai tempat di dunia. Ia termasuk, antara lain, kumpulan-kumpulan berikut dengan anggaran populasinya:

- A. Inuit, 150,000
- B. Amerika Utara termasuk Penduduk Bangsa Pertama Kanada dan Orang Asal Amerika, 1.5 juta.
- C. Orang Sami di negara-negara Scandinavia iaitu Norway, Denmark dan Finland, 80,000
- D. Penduduk Peribumi Rusia, 1 juta

- E. Penduduk Peribumi Asia Timur, 67 juta
- F. Penduduk Peribumi Asia Barat, 7 juta
- G. Penduduk Peribumi Asia Selatan, 51 juta
- H. Penduduk Peribumi Asia Tenggara, 30 juta
- I. Penduduk Peribumi Pasifik , 1.5 juta; Penduduk Pertama Australia, 250,000
- J. Maori di New Zealand, 350,000
- K. Penduduk San dan Basarwa di Afrika Selatan, 100,000
- L. Nomad di Afrika Timur , 6 juta
- M. Penduduk Pgymy di Afrika Tengah , 250,000
- N. Nomad di Afrika Barat , 8 juta
- O. Penduduk Peribumi di Tanah Dataran Brazil, Amerika Selatan, 1 juta
- P. Penduduk Hutan Amerika Selatan, 17.5 juta
- Q. Penduduk Peribumi Mexico dan Amerika Tengah, 13 juta

Penduduk Peribumi di Malaysia mewakili kira-kira 12% daripada 28.6 juta rakyat di Malaysia. Mereka secara kolektifnya dikenali sebagai Orang Asli.

Orang Asli adalah penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia. Bilangan mereka seramai 150,000, mewakili 0.6% daripada penduduk negara. Ahli-ahli antropologi dan pegawai-pegawai kerajaan secara tradisinya menganggap Orang Asli terdiri daripada tiga kumpulan utama, yang meliputi beberapa sub-kumpulan yang berbeza: Negrito (Semang), Senoi dan Orang Asli Melayu.

Di Sarawak, penduduk peribumi secara kolektifnya dipanggil Orang Ulu atau Dayak dan termasuklah Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kedayan, Mu-rut, Punan, Bisayah, Kelabit, Berawan dan Penan. Mereka dianggarkan seramai 50% daripada penduduk Sarawak yang berjumlah 2.5 juta orang.

Tiga puluh sembilan kumpulan etnik peribumi yang berbeza di Sabah dipanggil Anak Negeri. Pada masa ini, mereka dianggarkan seramai 47.4% daripada jumlah penduduk di Sabah, yang merupakan penurunan mendadak daripada anggaran 60% pada tahun 2000.

### 3. HAK ASASI PENDUDUK PERIBUMI SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

Hak asasi penduduk peribumi adalah hak sedia ada. Ini bermakna bahawa penduduk peribumi telah dilahirkan dengan hak-hak ini; ia adalah hak yang tidak terpisah yang harus diakui oleh semua.

Penduduk peribumi berhak ke atas hak asasi manusia yang diberikan kepada semua rakyat. Di samping itu, penduduk peribumi mempunyai hak secara kolektif dan individu yang dikhususkan kepada penduduk peribumi. Hak-hak tertentu ini dinyatakan dalam undang-undang antarabangsa menerusi konvensyen dan deklarasi antarabangsa berkaitan dengan penduduk peribumi, khususnya Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 169 dan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Penduduk Peribumi (UNDRIP).

#### **a. Konvensyen ILO No. 169**

Konvensyen ILO No. 169 adalah instrumen antarabangsa yang diikat secara sah yang terbuka untuk pengesahan, yang memperkatakan secara khusus mengenai hak asasi penduduk peribumi dan suku kaum. Pada masa ini, ia telah disahkan oleh 20 buah negara - terutamanya di Amerika Latin, Eropah dan rantau Asia Pasifik.

Konvensyen mengakui bahawa budaya dan identiti penduduk peribumi membentuk kesepaduan dalam kehidupan mereka - dan cara hidup mereka seringkali berbeza dari penduduk dominan. Perbezaan ini harus dihormati melalui pengiktirafan, antara lain, terhadap adat resam dan institusi serta bahasa dan kepercayaan mereka sendiri.

Konvensyen adalah semangat bukan diskriminasi. Sebagai mengiktiraf hakikat bahawa penduduk peribumi kerap kali didiskriminasi dalam banyak bidang, Konvensyen dari awal lagi menyatakan hak mereka untuk menikmati sepenuhnya hak asasi manusia dan kebebasan asasi. Ia menuntut penggunaan langkah-langkah khas untuk melindungi individu, institusi, harta, tenaga, budaya dan alam sekitar bagi penduduk ini, dan menyatakan bahawa langkah-langkah khas ini tidak menentang kehendak bebas penduduk peribumi.

Konvensyen No. 169 mempunyai 44 artikel yang meliputi isu-isu dari hak asasi penduduk peribumi kepada tanah, keselamatan sosial dan kesihatan, latihan vokasional dan hak-hak berkaitan dengan pengambilan pekerja dan syarat-syarat pekerjaan.

### **b. Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Asasi Penduduk Peribumi (UNDRIP)**

Perjuangan penduduk peribumi di seluruh dunia, dan advokasi berterusan mengenai hak asasi penduduk peribumi di PBB, mendorong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai sebuah institusi antara-kerajaan antarabangsa, untuk menerima pakai Deklarasi PBB mengenai Hak Asasi Penduduk Peribumi. Setelah lebih 20 tahun kerja-kerja melobi dan advokasi, dokumen ini telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 13 September 2007. Malaysia adalah salah satu daripada 144 negara yang menerima pakai UNDRIP.

UNDRIP adalah instrumen hakasasi manusia antarabangsa yang menetapkan piawai minimum bagi menjamin hak-hak kolektif penduduk peribumi. Ini

Semua peserta tersenyum selepas latihan selama dua hari. Kebuaw, Sibul. April 22, 2012.



adalah pengesahan hak-hak kolektif yang telah lama dilaksanakan oleh penduduk peribumi. Ia bukan satu set hak yang baru yang diberikan oleh negara-negara, sebaliknya, ia adalah satu pengiktirafan hak-hak sedia ada dan menjelaskan kewajipan negara untuk menghormati hak-hak tersebut.

UNDRIP ini terdiri daripada 24 perenggan mukadimah (atau kenyataan awal) dan 46 perkara operatif yang menjelaskan hak-hak asasi penduduk peribumi.

Antara hak-hak asasi penduduk peribumi yang terkandung dalam UNDRIP yang perlu diiktiraf adalah seperti berikut:

- Hak untuk penentuan nasib sendiri;
- Pengiktirafan penduduk peribumi sebagai kolektif;
- Hak-hak yang tidak terpisah ke atas wilayah, tanah dan sumber-sumber;

Dalam latihan di Batang Ai ini yang khususnya mengenai hak-hak penduduk peribumi, salah seorang peserta berkata, “Baru hari ini saya mengetahui bahawa saya mempunyai hak”. April 12, 2012.



- Persetujuan terlebih dahulu sebelum inisiatif pembangunan di atas tanah peribumi;
- Menghormati warisan budaya peribumi dan harta intelek;
- Pengiktirafan institusi-institusi penduduk peribumi itu sendiri, dan
- Hak untuk melaksanakan undang-undang adat mengikut amalan sosial dan budaya penduduk peribumi

Perhatian khusus hendaklah diberi bagi hak-hak penduduk peribumi untuk menentukan nasib sendiri, hak-hak kolektif, kawalan wilayah mereka, akses kepada sumber-sumber, pengiktirafan institusi politik dan undang-undang serta kawalan pengetahuan tradisional, dan bebas, mutakhir dan bermaklum.

### ***Hak ke atas tanah dan sumber***

Perkara 26:

- a. Penduduk peribumi mempunyai hak ke atas tanah, wilayah dan sumber, yang mana mereka miliki, duduki atau dalam kata lainnya menggunakan atau memperolehnya secara tradisi.
- b. Penduduk peribumi mempunyai hak untuk memiliki, menggunakan, membangunkan dan mengawal tanah, wilayah dan sumber-sumber yang mereka miliki dengan sebab pemilikan tradisional atau pekerjaan dan penggunaan tradisional yang lain, serta hak-hak selain yang telah mereka perolehi.
- c. Kerajaan hendaklah memberikan pengiktirafan dan perlindungan undang-undang kepada tanah, wilayah dan sumber ini. Pengiktirafan itu hendaklah dijalankan dengan penghormatan kepada adat, tradisi dan sistem pemegangan tanah penduduk peribumi berkenaan.



## *Hak kepada budaya*

Perkara 11:

- a. Penduduk peribumi mempunyai hak untuk mengamalkan dan menggiatkan semula tradisi budaya dan adat resam mereka. Ini termasuk hak untuk mempertahankan, melindungi dan membangunkan manifestasi budaya mereka di masa lalu, masa ini dan masa depan, seperti tapak arkeologi dan sejarah, artifak, reka bentuk, upacara, teknologi dan seni visual serta persembahan dan kesusasteraan.
- b. Kerajaan hendaklah memberi tebus rugi melalui mekanisme yang berkesan, yang mana mungkin termasuk restitusi, dibangunkan bersama dengan penduduk peribumi, berkenaan dengan harta kebudayaan, intelektual, keagamaan dan kerohanian mereka yang diambil tanpa kebebasan, mutakhir dan bermaklum atau dengan melanggar undang-undang, tradisi dan adat mereka.

### **c. Hak Adat Anak Negeri ke atas Tanah di Sarawak**

Kanun Tanah Sarawak yang digubal pada tahun 1958 meliputi penciptaan Rizab Perkauman Anak Negeri dan Rizab Kerajaan di negeri Sarawak. Kanun Tanah mempunyai peruntukan untuk mewujudkan hak-hak adat anak negeri, termasuk perolehan dan garis panduan yang berkaitan dengan hak-hak dan hak milik-hak milik.

Berikut adalah beberapa peruntukan yang penting:

- 1. Seksyen 2 Kanun Tanah Sarawak (SLC) mentakrifkan Tanah Adat Anak Negeri sebagai:**
  - (a) Tanah di mana Hak Adat Anak Negeri (NCR), sama ada perkauman atau sebaliknya, telah sah dicipta sebelum 1 Januari 1958 dan masih wujud seperti itu;
  - (b) Tanah terkandung dalam rizab dari semasa ke semasa yang mana seksyen 6 terpakai; dan
  - (c) Tanah Kawasan Dalaman yang mana hak adat anak negeri telah diwujudkan dengan sah menurut permit di bawah seksyen 10.


**2. Seksyen 5 (2) SLC menyatakan enam (6) kaedah yang boleh mewujudkan NCR selepas 1 Januari 19588**

- (a) penebangan hutan dara dan pendudukan tanah diwujudkan;
- (b) penanaman tanah dengan pokok buah-buahan;
- (c) pendudukan atau penanaman tanah;
- (d) penggunaan tanah bagi tanah perkuburan atau makam;
- (e) penggunaan tanah bagi mana-mana hak untuk laluan bertaraf; atau
- (f) apa-apa cara sah yang lain.

**3. Walaupun anak negeri tidak mempunyai hak milik beliau adalah seorang "pemegang lesen" (Proviso kepada Sek. 5 (2)):**

- "(i) sehingga suatu dokumen hakmilik telah dikeluarkan yang berkenaan dengannya, tanah tersebut hendaklah terus

Nicholas Mujah daripada SADIA menjelaskan kepada para peserta latihan di Batang Ai mengenai Hak-hak Adat Anak Negeri. April 12, 2012.



menjadi tanah Kerajaan dan mana-mana anak negeri dengan pendudukan yang sah itu hendaklah disifatkan sebagai memegang dengan lesen daripada Kerajaan dan tidak perlu membayar apa-apa sewa yang berkenaan dengannya melainkan jika dan sehingga dokumen hakmilik itu dikeluarkan kepadanya. "[Nota: Rujuk kepada keputusan mahkamah 4.]

#### 4. Duluhan Mahkamah

**Ansi Anak Rengan v Hoe Heng Sawmill Ltd. (1965)** menyatakan bahawa pemilik NCR bukanlah pemegang lesen kosong. Haknya boleh dikuatkuasakan terhadap penceroboh.

(Ketua Yang Arif Hakim Pike, dalam menyebelahi pendakwa berkata: "Persoalannya adalah **'adakah penikmatan hak adat anak negeri membawa bersamanya hak untuk mendakwa pencerobohan oleh pihak ketiga di atas tanah di mana hak-hak tersebut dinikmati?'** Pada penentuan soalan ini bergantung kepada kejayaan atau kegagalan tindakan Plaintiff.)

#### 5. Seksyen 5 SLC dan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan

Undang-undang ini menjamin perlindungan NCR di Sarawak. NCR boleh dihapuskan oleh peruntukan nyata dalam undang-undang tetapi memerlukan pampasan yang mencukupi.

Penghapusan tersebut hendaklah disiarkan dalam warta Kerajaan dan satu akhbar yang diedarkan di Sarawak; dan dipamerkan di papan notis Pejabat Daerah bagi kawasan di mana tanah itu terletak, yang mana haknya hendak dihapuskan. Tuntutan boleh dibuat dalam tempoh 60 hari.

#### 6. Seksyen 15 SLC

"Tanpa menjejaskan seksyen 18 dan 18A, tanah Kerajaan tidak boleh diberi hak milik sehingga semua hak adat dalamnya telah diserahkan atau dihapuskan atau peruntukan telah dibuat untuk membayar pampasan kepada orang yang berhak kepada hak-hak itu."

## AKTIVITI : PEMBACAAN KOLEKTIF PERKARA-PERKARA UNDRIP

Perkara-perkara UNDRIP yang terpilih boleh dibaca, dengan peserta bergilir-gilir membacanya dan menterjemahkannya ke dalam bahasa mereka sendiri. Perkara-perkara yang dipilih boleh merangkumi yang berikut :

Perkara 1 – Penduduk peribumi mempunyai hak untuk menikmati sepenuhnya secara kolektif dan individu, semua hak-hak manusia dan kebebasan asasi seperti yang diiktiraf dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat dan Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa.

Perkara 2 - Penduduk dan individu peribumi adalah bebas dan sama rata dengan semua penduduk dan individu lain dan mempunyai hak untuk bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi, dalam menjalankan hak-hak mereka, khususnya, berdasarkan asal usul atau identiti mereka.

Perkara 3 – Penduduk peribumi mempunyai hak untuk menentukan nasib sendiri. Menurut kuasa hak tersebut mereka bebas menentukan status politik mereka dan bebas meneruskan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka.

Perkara 4 - Penduduk peribumi, dalam melaksanakan hak mereka untuk menentukan nasib sendiri, mempunyai hak autonomi atau pemerintahan sendiri dalam hal-hal berhubungan dengan hal ehwal dalaman dan tempatan mereka, serta cara-cara dan kaedah-kaedah untuk membiayai fungsi autonomi mereka.

Perkara 5 – Penduduk peribumi mempunyai hak untuk mengekalkan dan mengukuhkan perbezaan politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan institusi kebudayaan mereka, sementara mengekalkan hak mereka untuk menyertai sepenuhnya, jika mereka memilih begitu, dalam kehidupan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan Negeri.

Perkara 6 - Setiap individu peribumi mempunyai hak untuk kewarganegaraan.

## AKTIVITI 2: PERBINCANGAN KUMPULAN KECIL MENGENAI HAK ADAT ANAK NEGERI MALAYSIA

Bahan-bahan yang diperlukan: kertas akhbar atau kertas manila, Kanun Tanah Sarawak

1. Apakah yang dibawa oleh Hak Adat Anak Negeri (NCR)?
2. Apakah hak penduduk peribumi di bawah NCR?
3. Apakah isu-isu, masalah-masalah dan kebimbangan yang biasa bagi penduduk peribumi berhubung dengan NCR?
4. Bagaimanakah penduduk peribumi menangani isu-isu dan kebimbangan mereka?

Selepas perbincangan selama lima belas minit, setiap kumpulan akan membentangkan ringkasan dan perkara-perkara yang menonjol dalam perbincangan mereka kepada seluruh kumpulan. Perkara yang dibangkitkan oleh peserta akan diambil kira sebagai permulaan bagi input dan perbincangan mengenai Hak Adat Anak Negeri.

### 7. Seksyen 18 SLC menyatakan

Jika Penguasa berpuas hati bahawa anak negeri telah menduduki dan menggunakan mana-mana kawasan tanah Kerajaan yang tidak diberi hak milik selaras dengan hak yang diperoleh oleh pemegang adat yang bermaksud pemilikan tanah untuk tujuan kediaman atau pertanian, dia boleh, tertakluk kepada seksyen 18A, mengeluarkan geran besar kepada anak negeri untuk kawasan tanah itu bebas daripada sewa premium dan caj-caj lain.”

### 8. Keputusan Mahkamah Rayuan dalam Nor Nyawai (Suit No: 22-28-99-1 Mahkamah Tinggi)

- (a) Bahawa undang-undang biasa menghormati pra-kewujudan hak di bawah undang-undang anak negeri atau adat walaupun hak itu boleh disingkirkan dengan kata-kata yang jelas dan tidak samar dalam perundangan.

- (b) Bahawa hak adat anak negeri tidak berhutang kewujudannya kepada statut. Ia wujud lama sebelum mana-mana perundangan dan perundangan hanya relevan untuk menentukan berapa banyak hak adat anak negeri telah dihapuskan.
- (c) Bahawa Kanun Tanah Sarawak 'tidak membatalkan apa-apa hak adat yang wujud sebelum kelulusan perundangan itu'. Walau bagaimanapun anak negeri tidak lagi dapat menuntut wilayah baru tanpa permit di bawah S. 10 perundangan tersebut daripada Penguasa Tanah dan Ukur.
- (d) Bahawa walaupun anak negeri tidak boleh memegang apa-apa hak milik kepada tanah dan boleh digelar pemegang lesen, lesen itu 'tidak boleh ditamatkan sesuka hati. Ia adalah hak adat anak negeri yang hanya boleh dihapuskan mengikut undang-undang dan ini adalah selepas pembayaran pampasan'.

#### 4. ISU-ISU DAN MASALAH-MASALAH PENDUDUK PERIBUMI

Di sebalik kewujudan instrumen antarabangsa yang mengiktiraf hak penduduk peribumi, mereka terus mengalami pelbagai masalah dan pelanggaran hak-hak ini, termasuk yang berikut:

- Tiada pengiktirafan hak kolektif penduduk peribumi ke atas tanah dan wilayah mereka;
- Pelucutan atau penafian capaian kepada tanah;
- Kekurangan perkhidmatan sosial, keadaan kesihatan yang kurang baik, dan kekurangan capaian kepada pendidikan;
- Tiada pengiktirafan pengetahuan dan sistem tradisional;
- Kemusnahan alam sekitar kerana perlombongan, empangan dan pembalakan secara besar-besaran;
- Pemerdagangan dan pencemaran budaya;

- Kematian bahasa dan warisan kebudayaan;
- Penyalahgunaan dan pencabulan hak asasi manusia terhadap penduduk dan komuniti peribumi;
- Kurang perwakilan bagi penduduk peribumi dalam struktur kerajaan rasmi; dan
- Perubahan iklim menyebabkan perpindahan penduduk peribumi

**Pelanggaran utama hak penduduk peribumi termasuk:**

- Perebutan kuasa dan pemusnahan tanah dan sumber di wilayah nenek moyang penduduk peribumi; dan
- Penganan program pembangunan dan projek-projek yang tidak sesuai di tanah dan komuniti penduduk peribumi.

Para peserta dari komuniti Kebuaw berehat sebentar dari sesi latihan untuk melawat tanah nenek moyang yang diambil oleh sebuah syarikat minyak sawit. Sibul, Sarawak. September 11, 2012.



### **Kesan-kesan pelanggaran tersebut kepada penduduk peribumi adalah:**

- Kemerosotan budaya peribumi disebabkan pemerdagangan melalui promosi perayaan tempatan, prasarana berkaitan pelancongan dan eko-pelancongan;
- Tiada pengiktirafan sistem perundangan, struktur politik dan institusi sosial peribumi; dan
- Etnosid atau genosid, yang merujuk kepada penghapusan hampir-hampir semua penduduk peribumi sebagai manusia yang berbeza disebabkan oleh pemusnahan kampung-kampung dan tanah nenek moyang mereka, ketenteraan, keganasan kerajaan dan pencerobohan bagi pembangunan.

## **5. BAGAIMANAKAH PENDUDUK PERIBUMI MENANGANI ISU-ISU DAN KEBIMBANGAN MEREKA?**

Penduduk peribumi telah mengambil pelbagai pilihan dan bentuk perjuangan sebagai tindak balas kepada isu-isu dan kebimbangan mereka. Ini termasuklah:

- Mengadakan pendidikan dan kempen meningkatkan kesedaran;
- Melobi dan mendesak pihak berkuasa tempatan dan kebangsaan untuk mengambil tindakan ke atas tuntutan penduduk peribumi melalui dialog, petisyen atau resolusi;
- Tindakan bantahan dan penggemblengan orang secara kolektif seperti perhimpunan, piket dan tunjuk perasaan awam;
- Tindakan undang-undang yang difailkan di mahkamah; dan
- Bentuk perjuangan yang lebih tinggi dari undang-undang dan luar dari undang-undang.

Semua bentuk tindakan dan perjuangan yang pelbagai ini menyumbang kepada advokasi kita terhadap hak-hak penduduk peribumi.



---

## SUMBER:

1. "Leadership Training For Indigenous Peoples" (Latihan Kepimpinan untuk Penduduk Peribumi), yang dihasilkan dan diterbitkan untuk Institut Pembelajaran Peribumi untuk Pengupayaan Komuniti (ILI) oleh Jaringan Penduduk Cordillera (CPA) dan Pakatan Penduduk Peribumi Asia (AIPP)
2. Kumpulan Kerja Antarabangsa bagi Hal Ehwal Peribumi (Kemaskini pada 2011 Malaysia)
3. Pembentangan SADIA mengenai NCR dalam pelbagai latihan pada tahun 2012 dan 2013

Melalui lukisan, peserta menerangkan bagaimana tanah nenek moyang mereka telah diambil dan ditukarkan menjadi ladang kelapa sawit oleh pelbagai syarikat. Sibul, Sarawak. September 10, 2012.





## II. DOKUMENTASI

### OBJEKTIF:

1. Untuk memahami kepentingan dokumentasi bagi perjuangan undang-undang;
2. Untuk mengetahui bagaimana untuk mendokumentasikan kes-kes pelanggaran hak adat anak negeri secara berkesan;
3. Untuk mengetahui bagaimana untuk mengumpul data lapangan dan mencari dokumen bagi kes-kes.

JIKA IA TIDAK DIDOKUMENKAN, IA TIDAK BERLAKU

### 1. APAKAH DOKUMENTASI?

- **Dokumen keterangan atau rujukan:** Dokumen-dokumen yang disediakan atau dikumpulkan sebagai keterangan atau sebagai bahan rujukan.
- **Proses menyediakan maklumat yang bertulis:** proses menyediakan butir-butir bertulis atau maklumat mengenai sesuatu.
- **Pengesahan bahawa beberapa fakta atau kenyataan adalah benar:** melalui penggunaan bukti yang telah didokumenkan.

### 2. BAGAIMANA UNTUK MENDOKUMENKAN:

- Simpan semua dokumen penting (contohnya: surat mahkamah, surat pemberitahuan, surat penerimaan, catatan, dll.) yang diterima dan ditulis.
- Buat catatan dari setiap perbualan atau kejadian yang berlaku.
- Sentiasa meletakkan tarikh pada setiap catatan (lihat di atas).

- Buat salinan bagi setiap surat yang dihantar. Jika surat dihantar menggunakan pejabat pos simpan resit surat tersebut.

Selain mendokumenkan kertas yang disimpan atau diterima, seseorang itu juga boleh melakukan dokumentasi lapangan, salah satunya ialah penyiasatan. Penyiasatan adalah proses pengumpulan maklumat dan memastikan bahawa bahagian-bahagian bahan bukti yang diperlukan untuk membuktikan kes disusun dan dikumpulkan.

### 3. BAGAIMANA UNTUK MENYIASAT?

- a. Sebelum mengumpul data dari lapangan, seseorang itu perlu membuat persediaan dengan melakukan **penyelidikan awal**. Penyelidikan awal ini akan membantu dalam:
  - Memahami undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kes-kes yang berkaitan. Ini termasuklah undang-undang adat, peraturan tempatan, undang-undang kebangsaan dan antarabangsa, peta konsesi, surat kebenaran daripada badan berkuasa, dll.;
  - Mengenal pasti sumber maklumat yang penting dan relevan dalam bidang itu, seperti orang temuan dalam bidang itu, nama orang-orang yang bertanggungjawab bagi syarikat yang mahu disiasat, dll.; dan
  - Memahami situasi dan keadaan lokasi yang akan dikunjungi untuk penyiasatan lapangan sebenar.
- b. Merangka pelan yang akan menetapkan parameter dan panduan dalam siasatan. Untuk membantu dalam memberi tumpuan kepada penyiasatan, ingat rumus 5W+1H (apa, mengapa, siapa, bila, di mana, bagaimana). Sebagai contoh:
  - Apakah tujuan penyiasatan ini?
  - Apakah isu yang sedang disiasat?
  - Apakah dapatan akhir yang dikehendaki daripada siasatan (laporan bertulis, gambar, filem)?

- Siapakah sasaran (untuk siasatan)? Siapakah atau apakah yang diinginkan untuk dilihat dalam penyiasatan lapangan?
  - Siapakah yang akan melakukan siasatan?
  - Bilakah siasatan akan dilakukan? Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk siasatan?
  - Di manakah lokasi penyiasatan?
  - Bagaimanakah siasatan dijalankan?
- c. Selepas menyediakan semua perkara di atas, adalah penting untuk menyediakan peralatan untuk siasatan, seperti:
- Peta lokasi
  - Rakaman (perakam suara, kamera atau video kamera)
  - Alat pandu arah (GPS, kompas, dll.)

Kaum wanita di Kebuaw, Sibiu mengambil bahagian secara aktif dalam latihan mengenai dokumentasi dan pemetaan. April 22, 2012.



- Alat komunikasi (radio, telefon bimbit, dll.)
- Alat tulis (buku log, pen, pembaris, pensil, dll.)
- Alat lapangan (pisau, lampu suluh, bateri, lampu sokong, mancis, perkakas memasak, dll.)

Ketika melakukan penyiasatan pastikan untuk merekodkan semua fakta-fakta yang ditemui dan yang berkaitan dengan kes. Maksimumkan penggunaan alatan semula jadi: mata, hidung dan telinga.

- d. Langkah seterusnya selepas melakukan penyiasatan lapangan adalah untuk menulis laporan. Ini adalah tugas-tugas yang perlu dilakukan:
- Jelaskan apa yang berlaku dalam komuniti.
  - Terangkan fakta-fakta yang ditemui semasa penyiasatan.

### KITA BOLEH MENULIS LAPORAN MENGGUNAKAN RANGKA KERJA YANG MUDAH INI:

- Tarikh penyiasatan
- Lokasi
- Objektif
- Penerangan mengenai siasatan sebenar
- Kaedah penyiasatan
- Nama orang yang ditemui dan ditemuramah
- Penerangan mengenai maklumat yang dibongkar semasa penyiasatan (contohnya, adakah terdapat apa-apa pelanggaran hak penduduk peribumi? Berdasarkan undang-undang atau peraturan, apakah pelanggaran itu? dll.). Jangan lupa untuk sentiasa menggunakan rumus 5W+1H.
- Penerangan mengenai cabaran yang dihadapi semasa penyiasatan
- Cadangan atau saranan sebagai hasil daripada penyiasatan

Lihat Lampiran untuk sampel dokumentasi yang dibangunkan oleh seorang pemimpin masyarakat dari Kebeaw di Sibu yang menjalani latihan dokumentasi ini.

- Jelaskan pelanggaran yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat, iaitu, apakah aktiviti-aktiviti khusus yang telah mereka lakukan dalam komuniti? Bagaimanakah ini memberi kesan kepada alam sekitar?
- Tulis andaian dan analisis berdasarkan undang-undang, peraturan-peraturan dan fakta-fakta yang dibongkar semasa penyiasatan.

#### 4. BAGAIMANA UNTUK MENGGUNAKAN ALAT DOKUMENTASI?

Dokumentasi penemuan dalam lapangan yang komprehensif adalah teras kepada proses dokumentasi. Jika bukti aktiviti haram yang disyaki ditemui, gambar terperinci, rakaman video, rujukan GPS dan catatan yang teliti akan diperlukan sebagai bukti.

Semasa mengumpulkan bukti, penyelidik perlu memikirkan bagaimana ia akan digunakan untuk **membentuk kes undang-undang**. Dalam kes

Salah seorang pemimpin tempatan mengajar ahli komunitinya bagaimana untuk menggunakan GPS. Batang Ai, Sarawak. April 13, 2012.



misi bersama (di mana pelbagai kumpulan yang terlibat) ini bermakna pemerhatian yang teliti terhadap ejen penguatkuasaan adalah perlu untuk memastikan bahawa mereka bersungguh-sungguh mengumpul semua bukti yang berkemungkinan.

Walaupun ia mungkin tidak selalu dapat menjawab semua soalan dalam lapangan itu, semakin banyak butiran yang dikumpul, semakin kuat kes itu. Sebagai contoh, adalah penting untuk menyesuaikan kedua-dua imej set tangan GPS dan kerosakan ke dalam gambar yang sama untuk menunjukkan lokasi, masa dan tarikh gambar yang tepat.

Menyimpan catatan yang jelas dan difahami akan menyediakan bahan sumber yang penting dalam apa-apa pertikaian ke atas kandungan laporan berikutnya. Dalam misi bersama, penyelidik dan agensi penguatkuasa perlu, setakat yang mampu, bersetuju dengan bukti-bukti yang dikumpulkan dan implikasinya. Mempunyai pemahaman yang sama mengenai keadaan tersebut akan memudahkan persetujuan mengenai kandungan mana-mana laporan, dan ordinat berikutnya bagi mercu tanda penting di laluan, seperti persimpangan, loji penapis (minyak sawit), operasi semasa bagi perladangan dan jentera semua perlu dimasukkan ke dalam set tangan GPS. Dengan cara ini satu rekod laluan tepat bagi misi ke kawasan perladangan boleh disimpan, dan kemudiannya digunakan untuk menunjukkan bahagian perladangan yang mana telah dilawati (dan yang tidak dilawati).

**a. GPS (Sistem Penentu Kedudukan Global)**

GPS akan mengira latitud dan longitud sewajarnya (titik koordinat). Ia ditunjukkan oleh dua siri nombor yang menunjukkan darjah latitud utara atau selatan khatulistiwa, dan longitud barat atau timur bagi garis waktu meridian (Waktu Min Greenwich / GMT).

GPS digunakan untuk:


- Mengenal pasti lokasi koordinat (latitud dan longitud).
- Penandaan dan penyimpanan data “titik laluan” (titik lokasi) di lokasi sasaran.
- Pemetaan laluan perjalanan dan jarak yang telah diambil. Peranti GPS boleh disambungkan kepada komputer untuk memuat turun data dan boleh diselaraskan dengan peta dan imej satelit.



## Bagaimana untuk menggunakan GPS:

- Sebelum melaksanakan misi, semua koordinat UTM berkaitan dengan peta kawasan yang dibenarkan untuk diperiksa harus dimasukkan ke dalam set tangan GPS untuk mewujudkan peta pada paparan GPS, yang akan bertindak sebagai panduan yang boleh dipercayai dalam lapangan. Oleh itu, mana-mana sempadan-lintasan boleh ditubuhkan dengan segera dan disiasat dengan teliti.
- Set tangan yang perlu dihidupkan dan digunakan untuk mengesan dari titik rujukan seperti kampung atau jalan utama.
- Koordinat bagi mercu tanda penting di laluan seperti persimpangan, loji penapis, operasi semasa bagi perladangan dan jentera semua perlu dimasukkan ke dalam set tangan GPS. Dengan cara ini satu rekod laluan tepat misi ke kawasan ladang boleh disimpan, dan kemudiannya digunakan untuk menunjukkan bahagian perladangan yang mana telah dilawati (dan yang tidak dilawati).

Di bawah menunjukkan satu contoh mudah jenis plot laluan yang boleh dihasilkan oleh GPS:



### **Tip-tip penting untuk menggunakan GPS:**

- GPS adalah lebih tepat daripada kompas, tetapi adalah kurang dipercayai kerana ia bergantung kepada kewujudan satelit.
- GPS mempunyai kadar ketepatan sejauh 10-15 meter.
- Penggunaan GPS memerlukan ketepatan dan pemahaman yang mencukupi tentang bagaimana ia berfungsi. Satu latihan diperlukan untuk mereka yang akan menggunakannya.
- GPS memerlukan bateri yang mencukupi. Oleh itu, sebelum dibawa ke lapangan, anda perlu memastikan bahawa bateri telah dicas sepenuhnya. Jangan lupa juga untuk membawa bateri ganti.
- GPS mestilah digunakan dalam lapangan yang terbuka, bukan di bawah pokok atau di dalam bangunan.
- GPS mestilah dihubungkan dengan sekurang-kurangnya dua satelit di langit.

### **b. Alat fotografi**

Gambar-gambar dari kamera digital ada masanya tidak diiktiraf sebagai bukti yang sah kerana ia mudah untuk diubah berbanding dengan kamera tradisional yang menggunakan filem negatif, ia adalah lebih sukar untuk diubah.

### **Bagaimana untuk menggunakan kamera:**

Penyiasat (penyelidik) mesti menentukan gambar yang perlu diambil sebelum pergi ke lapangan. Dia juga perlu menentukan lokasi sebenar objek untuk mendapatkan detik yang tepat sebagai bukti.

Pada masa ini, terdapat kamera digital yang mempunyai memori simpanan atau muatan yang besar dan sangat mudah untuk digunakan, yang membolehkan gambar untuk disimpan terus di dalam kad memori. Penyimpanan data mudah dilakukan dengan memuat turun ke komputer.

### Tip-tip penting untuk mengambil gambar:

- Pastikan bateri dicas sepenuhnya dan kad memori dimasukkan.
- Pilih menu tetapan: "super halus" atau "terbaik" untuk memudahkan pengeditan gambar di peringkat seterusnya (contohnya Strategi Advokasi).
- Ambil gambar dengan sabar untuk mendapatkan detik yang betul.
- Berhati-hati dengan pencahayaan. Semasa tengah hari, cahaya boleh menyebabkan keputihan yang mungkin akan membawa kepada bayangan yang mengganggu.
- Semasa siasatan, elakkan dari menggunakan denyar (flash) ketika mengambil gambar.
- Pastikan untuk membawa kad memori ganti untuk kamera. Berhati-hati apabila mengendalikan kad memori kerana ia rapuh.

Salah seorang peserta mempraktikkan kemahiran yang baru dipelajarinya dalam menggunakan kamera digital. Batang Ai, Sarawak. April 13, 2012.




- Pastikan anda melindungi kanta dengan menutupinya apabila ia tidak digunakan.

Walau bagaimanapun, terdapat keadaan-keadaan apabila adalah sukar untuk mengambil gambar yang berkualiti dan baik semasa penyiasatan. Berikut adalah beberapa tip-tip untuk mengambil gambar semasa dalam keadaan sukar:

- Gunakan identiti menyamar sebagai pelancong dan/atau pembikin filem dokumentari di kawasan sasaran. Ini boleh dilakukan jika penyiasatan itu adalah di kawasan-kawasan asli atau pemuliharaan.
- Gunakan kamera tersembunyi dalam beg (beg komputer riba, beg harian, beg pinggang). Walau bagaimanapun, menggunakan kamera tersembunyi memerlukan beberapa latihan; ia adalah penting untuk mengetahui bagaimana untuk menetapkan ketinggian objek yang akan direkodkan dan ia perlu dilakukan dengan cara yang semula jadi supaya penggambaran tidak kelihatan kaku.

Ini adalah tanah nenek moyang kami. Salah seorang peserta menunjukkan peta wilayah mereka yang telah disediakan oleh SADIA. September 11, 2012. Sibü, Sarawak.



#### **d. Perakam suara**

Perakam suara boleh menjadi cara yang terbaik untuk menyimpan catatan, terutama dalam cuaca yang lembap. Ia juga berguna ketika melawat hutan dengan seorang wakil pemegang permit atau seorang pegawai tempatan, supaya mereka boleh ditemuramah semasa misi dilangsungkan.

#### **Bagaimana menggunakan perakam suara:**

Sebelum merakam maklumat, penyiasat perlu memahami keadaan setempat dan memahami ciri-ciri pemberi maklumat. Sebagai contoh, mungkin ada orang yang sangat bersemangat untuk memberikan maklumat, tetapi takut bahawa penerangan mereka akan diambil secara tidak tepat. Keadaan lain ialah apabila pemberi maklumat merasa tidak selesa apabila penyelidik menggunakan perakam suara untuk melakukan temuramah. Keadaan ini boleh dielakkan dengan meletakkan perakam suara di dalam poket dan menjalankan temuramah apabila pemberi maklumat berada dalam keadaan yang santai. Perakam suara juga boleh disembunyikan sebagai kalung atau disematkan seperti pen dalam poket pakaian.

#### **Tip-tip penting dalam menggunakan perakam suara:**

- Pastikan bateri dicas sepenuhnya dan kad memori dimasukkan.
- Pastikan perakam suara dihidupkan.
- Jika siasatan itu dilakukan pada waktu malam, lampu yang menyala pada perakam suara mestilah dilindungi dengan menggunakan pita pelekat.

## AKTIVITI: LATIHAN MENGGUNAKAN GPS DAN KAMERA DIGITAL

*Bahan-bahan yang diperlukan: GPS, kamera digital, komputer riba dan pen*

Seseorang yang sebelum ini telah dilatih dalam menggunakan GPS, kamera digital dan pemetaan hendaklah membantu aktiviti ini.

Minta peserta-peserta untuk pergi ke sekitar komuniti dan dokumenkan pelbagai mercu tanda (contohnya jambatan, pokok tua, tanah perkuburan dan sebagainya) dengan menggunakan koordinat GPS dan kamera digital. Koordinat GPS bagi mercu tanda tertentu perlu sepadan dengan imej yang ditangkap dalam kamera.

Dengan menggunakan komputer riba, muat turun imej dari kamera dan koordinat dari GPS. Berbincang dengan peserta-peserta mengenai hasil latihan itu.

---

### SUMBER:

- Dave Beckwith. D dengan Lopez. C. Penganjur Komuniti: Kuasa Rakyat dari Akar Umbi. Pusat Perubahan Komuniti. <http://comm-org.wisc.edu/papers97/beckwith.htm>
- Pembentangan AidEnvironment di Latihan Sarawak 17-23 April 2012.
- Saksi Global. Panduan untuk Pemantauan Hutan Bebas. 2005.
- Pusat untuk Undang-undang Alam Sekitar Indonesia (ICEL). Manual Penyiasatan Pembalakan Haram melalui Undang-undang Perhutanan, Akta Pengubahan Wang Haram dan Akta Rasuah. 2007.

### III. DEFINISI DAN SKOP KERJA ADVOKASI DAN KEMPEN

#### OBJEKTIF:

1. Untuk mendapatkan ilmu tentang bagaimana untuk berkempen dalam memajukan hak asasi penduduk peribumi
2. Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang kepentingan advokasi

#### 1. DEFINISI DAN SKOP KERJA ADVOKASI

Advokasi bermaksud sokongan orang ramai atau saranan bagi perjuangan atau dasar tertentu. Oleh itu, kerja-kerja advokasi merujuk kepada penjana kesedaran dan penggembleran ahli-ahli organisasi dan komuniti, dengan menggunakan pelbagai bentuk dan kaedah. Kerja advokasi bertujuan untuk menjana kesedaran awam, minat, perhatian dan kebimbangan yang

Melalui lukisan, peserta menggambarkan bagaimana syarikat-syarikat minyak sawit memusnahkan komuniti-komuniti mereka. April 22, 2012. Kebuaw, Sibul.



lebih besar, dan menjana sokongan seluas mungkin untuk perjuangan, objektif atau matlamat tertentu. Bagi penduduk peribumi, advokasi bermakna menggunakan pelbagai bentuk tindakan untuk memajukan hak asasi penduduk peribumi. Objektif utama bagi advokasi politik kita adalah pengiktirafan penuh dan merealisasikan hak asasi penduduk peribumi.

Peningkatan kesedaran boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai bentuk penulisan, persembahan visual atau lisan mengenai isu-isu, kedudukan atau pendirian tertentu. Penggemblerangan merujuk kepada usaha mendapatkan ahli-ahli komuniti, organisasi dan personaliti untuk mengambil bahagian dalam pelbagai bentuk aktiviti, dengan tujuan untuk menonjolkan atau menjana perhatian dan minat untuk matlamat atau tindak balas tertentu.

Advokasi boleh dilakukan pada peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa. Advokasi di peringkat tempatan adalah yang paling penting kerana di peringkat ini ialah di mana anda boleh menggemblerkan seramai orang yang boleh untuk menyokong perjuangan dan objektif anda. Sasaran advokasi kita di peringkat tempatan termasuklah pertubuhan-pertubuhan penduduk dan penduduk komuniti, pegawai-pegawai kerajaan tempatan, badan-badan bukan kerajaan, institusi pendidikan, gereja dan kumpulan-kumpulan lain yang mungkin dapat menyertai dan memberi sokongan atau bantuan untuk pengiktirafan dan promosi hak asasi penduduk peribumi.

Di peringkat kebangsaan, agensi-agensi kerajaan, ahli-ahli parlimen, pertubuhan-pertubuhan profesional seperti peguam atau ahli akademi, pengamal media dan lain-lain, boleh dimasukkan sebagai sasaran kerja advokasi kita. Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, juga mungkin berkesan dalam menyokong penduduk peribumi dalam mempertahankan hak-hak mereka.

Di peringkat antarabangsa, terdapat pelbagai mekanisme dan proses di mana penduduk peribumi boleh melakukan kerja-kerja advokasi dengan menyertai dan meningkatkan kebimbangan tertentu. Ini termasuk Forum Tetap PBB mengenai Masalah Peribumi (UNPFII) yang bermesyuarat setiap tahun dan membolehkan penduduk peribumi untuk mengambil bahagian sebagai pakar dan sebagai pemerhati. Mekanisme Pakar PBB mengenai Hak Asasi Penduduk Peribumi, merupakan satu mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang menjalankan kajian mengenai tema-tema tertentu yang berkaitan dengan penduduk peribumi. Proses antarabangsa atau badan-badan perjanjian yang lain seperti Jawatankuasa Hak Manusia,



Penilaian Berkala Sejagat (UPR) dan Jawatankuasa bagi Penghapusan Diskriminasi Kaum (CERD) juga boleh diterokai sebagai sasaran untuk advokasi kita terhadap hak asasi penduduk peribumi.

Perjanjian alam sekitar antarabangsa seperti Konvensyen Diversiti Biologi (CBD) dan Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) juga memberi peluang kepada penduduk peribumi untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat di mana keputusan penting dibuat yang mempunyai implikasi yang serius untuk penduduk peribumi.

## 2. KEMPEN

Kempen adalah aktiviti yang dirancang, dianjurkan dan dikekalkan pada skop yang lebih luas dan tempoh yang lebih panjang untuk melaksanakan dan mencapai objektif. Terdapat pelbagai jenis kempen bergantung kepada objektif yang dikenal pasti: politik, organisasi, ekonomi, kesihatan, dll. Tumpuan dan penekanan latihan ini adalah pelancaran kempen politik untuk promosi dan perlindungan hak asasi penduduk peribumi dan hak asasi manusia.

Kempen juga boleh dilancarkan untuk mencapai kepentingan jangka pendek atau objektif tunggal. Kempen sebegini boleh dijalankan dalam apa-apa cara yang mana ia juga akan menyumbang kepada dan/atau melengkapkan perjuangan dan aspirasi strategik bersama penduduk peribumi.

### AKTIVITI: PERKONGSIAN KES KAJIAN

Seorang ahli sumber atau peserta diminta untuk berkongsi kes kajian mengenai kempen yang berjaya yang telah dia jalankan di kawasannya. Peserta-peserta lain kemudian bertanyakan soalan untuk mendapatkan penjelasan atau untuk mengetahui lebih lagi daripada pengalaman tersebut. Kemudian fasilitator memetikkan pengajaran yang dipelajari daripada pengalaman yang dikongsi bersama.

## **A. Komponen kempen:**

1. Peningkatan kesedaran dan maklumat awam: pengeluaran bahan-bahan pendidikan, penggunaan media massa, lain-lain bentuk pendidikan dan aktiviti peningkatan kesedaran
2. Jaringan kerja: menjana sokongan dan perpaduan orang lain mengenai isu kempen, terutamanya individu berpengaruh, personaliti, termasuk mereka yang berada dalam kerajaan
3. Siri tindakan/penggemblengan untuk advokasi

## **B. Perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum melancarkan kempen:**

- Mengkaji sepenuhnya isu atau masalah yang perlu diselesaikan supaya jelas berdasarkan objektif kempen dan pelan tindakan.
- Membuat rancangan kempen yang konkrit dan mengambil kira perkara berikut:
  - ◆ aktiviti dan bentuk tindakan yang sesuai dengan sumber yang minimum tetapi berimpak tinggi
  - ◆ Terdapat kakitangan dan keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas yang ditakrifkan
  - ◆ Terdapat sumber dan masa untuk kempen
  - ◆ Jangka masa, jadual dan sasaran yang jelas
- Pihak penganjur penduduk peribumi perlu bersedia untuk apa-apa keputusan, sama ada kempen itu berjaya atau tidak. Kemungkinan sambutan yang negatif perlu dijangka dan bagaimana untuk mengendalikannya atau berurusan dengannya dalam proses kempen.
- Pastikan persediaan adalah mencukupi supaya majoriti boleh menyertainya, dan fikiran mereka sudah bersedia dan mereka yakin sepenuhnya untuk bertindak bagi objektif kempen.
- Mempersediakan mereka yang berada dalam kepimpinan dan lain-lain untuk melakukan tugas-tugas yang diperlukan. Mereka akan memimpin dan menyelaras tindakan besar-besaran atau kempen dari awal hingga akhir.

Selepas setiap tindakan yang dirancang, adalah perlu untuk menilai atau menyimpulkan untuk melihat dengan jelas apa yang telah dicapai, apakah kelemahan-kelemahan yang perlu diperbetulkan dan apakah pengajaran yang dipelajari. Berdasarkan penilaian, perancangan baru boleh dilakukan untuk tindakan berterusan. Perhatikan dan teliti individu dan sekutu baru yang berminat. Mereka adalah bantuan tambahan dalam melaksanakan lebih banyak aktiviti dan memajukan perjuangan penduduk peribumi.

### 3. MENINGKATKAN KESEDARAN/MAKLUMAT AWAM

Maklumat awam atau propaganda adalah penyebaran idea, maklumat, analisis dan kedudukan mengenai isu tertentu secara sistematik untuk mencapai bulatan manusia yang luas dan untuk menarik perhatian dan minat mereka untuk menyokong perjuangan, objektif atau kedudukan kita.

Objektif peningkatan kesedaran dan maklumat awam adalah untuk menyedarkan sebilangan besar orang mengenai pandangan, kedudukan dan keadaan kita untuk mendapat simpati dan sokongan mereka, termasuklah menyertai organisasi atau aktiviti kita. Ia juga bertujuan untuk menjelaskan maklumat yang salah atau propaganda hitam, atau untuk "memperbetulkan yang tersalah faham" jika terdapat serangan yang berniat jahat terhadap organisasi, aktiviti dan tindakan kita.

#### A. Kandungan Utama Maklumat Awam

Penerangan atau ringkasan isu-isu  
 Analisis dan kedudukan kita  
 Seruan, saranan, tuntutan dan cadangan lain

#### B. Bentuk-bentuk Maklumat Awam:

- a. Lisan - bercakap atau memberi persembahan lisan, menggunakan bentuk budaya tradisional dalam tradisi lisan, ucapan dalam mesyuarat besar-besaran, perhimpunan komuniti, menziarah orang di rumah untuk perbincangan, perbincangan kumpulan, forum, simposium, perhimpunan, dll.
- b. Bertulis - komik, kenyataan, risalah, surat khabar, majalah, poster-bermaklumat dan bahan-bahan maklumat bertulis yang lain.

- c. Audio-visual dan lakonan - slaid, pita, video, muzik, drama, sketsa, radio dan program TV atau wawancara tetamu.
- d. Maklumat elektronik dan digital - emel, bahan-bahan audio visual, kenyataan dan maklumat lain yang dihantar melalui media elektronik.

Anda boleh menjadi sekreatif yang mungkin dalam menggunakan bentuk dan kaedah tradisional dan moden bagi maklumat awam. Bentuk yang sesuai dan berkesan akan berbeza-beza, bergantung kepada penonton sasaran dan tahap kesedaran dan pemahaman mereka. Sebagai contoh, komuniti dengan kadar buta huruf yang tinggi akan lebih menghargai bentuk audio-visual berbanding dengan bentuk bertulis. Pertimbangan utama yang harus diambil adalah bagaimana untuk memastikan "mesej" difahami dan dihargai oleh kumpulan atau penonton sasaran agar menjadikan ia satu bentuk maklumat awam yang berkesan.

### **C. Garis Panduan untuk Maklumat Awam:**

Maklumat awam harus dirancang dengan baik dan teratur dengan mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- a. Mengetahui pasti keperluan dan kekuatan: Apakah keperluan organisasi dari segi maklumat awam mengenai isu dan kebimbangan, siapakah kumpulan sasaran, dan apakah cara yang paling berkesan untuk mendekati mereka? Apakah kekuatan organisasi dari segi bentuk maklumat awam – contohnya, adakah anda mempunyai penceramah yang berkesan, artis yang baik, pihak bersekutu dalam media, dan sebagainya?
- b. Keupayaan manusia dan ketersediaan sumber: Penilaian keupayaan dan sumber seharusnya dibuat sebelum merancang apa-apa aktiviti program maklumat awam. Sebagai contoh, adakah terdapat seorang penulis atau artis yang baik? Adakah dia mempunyai masa? Adakah penceramah awam berpengalaman mengenai topik dan cukup berkeyakinan untuk bercakap? Adakah terdapat dana untuk mencetak dan mengedarkan bahan-bahan, dan sebagainya?
- c. Mempunyai mesej dan tuntutan atau panggilan yang jelas: Bagaimana mesej kita perlu dipersembahkan kepada orang awam dari segi kandungan dan bentuknya: keberkesanan bagi apa-apa bentuk

maklumat awam diukur dari segi kejelasan dan keringkasan mesej tersebut yang difahami dan dihargai oleh kumpulan sasaran.

- d. Kos rendah, berimpak tinggi: Ini bermakna dapat sampai kepada jumlah orang yang ramai tetapi dengan kos yang rendah (contohnya, wawancara tetamu dalam program TV atau radio).
- e. Mengatur masa dan menetapkan jadual yang baik sekali: Ia dianggap masa yang terbaik untuk membuat bahan-bahan maklumat awam, iaitu, semasa isu itu masih "panas", ia mempunyai desakan, dan liputan media diambil kira. Apabila merancang apa-apa aktiviti, perlu ada sasaran yang jelas mengenai jangkaan ia harus dikeluarkan atau dilakukan, dan bagaimana untuk memastikan ia akan dilakukan dari segi tugas, sumber dan kakitangan.
  1. Meletakkan mekanisme maklum balas dan penilaian: Adalah penting untuk memantau dan mempunyai mekanisme maklum balas kepada aktiviti maklumat awam supaya kesan dan keberkesannya boleh diukur, dan pengajaran boleh diambil, untuk memperbaiki keberkesanan kerja kita.
  2. Memaksimumkan kemahiran, bakat dan sumber pihak bersekutu dan rakan-rakan di akademe', artis, kumpulan gereja, pekerja dan pegawai kerajaan, dan yang lain-lain: Kerja dan sumber-sumber untuk maklumat awam tidak semestinya hanya datang dari organisasi kita. Terdapat banyak kemahiran, bakat dan sumber yang kita boleh cari dan gembelngkan daripada rakan-rakan dan pihak bersekutu kita. Malah, ia amat berguna untuk memasukkan mereka dalam perancangan kerana mereka mungkin mempunyai idea-idea yang menarik dalam bentuk, sumber dan sumbangan lain yang lebih baik.
  3. Mengoptimumkan penggunaan arus perdana dan media alternatif: Ia juga sangat penting untuk menggunakan media massa (radio, TV, surat khabar) untuk liputan isu, kedudukan dan aktiviti kita. Untuk melakukan perkara ini, adalah sangat penting dan berguna untuk mendapat rakan-rakan, pihak bersekutu dan rakan kongsi dalam kalangan pengamal dan perlengkapan media.
  4. Sediakan MEDIA anda sendiri jika berdaya maju: Radio komuniti amat berkesan dalam menyampaikan dan mengekalkan

## AKTIVITI: PRAKTIKUM - PENYAMPAIAN

Lima sukarelawan dipilih dalam kalangan peserta untuk berlatih pengucapan awam. Sukarelawan diberikan 10 minit untuk menyediakan ucapan selama 3 minit yang membincangkan isu-isu tertentu yang dia minati. Dalam masa 3 minit, dengan cara yang meyakinkan dan menarik, penceramah seharusnya dapat:

- o Menarik perhatian penonton
- o Jelaskan mengenai isu tersebut
- o Tentukan orang-orang yang terjejas dengan isu tersebut
- o Keluarkan analisis dan kedudukan mengenai isu itu
- o Keluarkan saranan, tuntutan atau cadangan lain yang dapat disampaikan kepada penonton

Peserta-peserta yang lain dan fasilitator kemudian memberi pemerhatian, komen dan kritikan mereka terhadap ucapan-ucapan pendek yang dibuat oleh sukarelawan.

penyebaran maklumat kepada sejumlah orang yang ramai. Walau bagaimanapun, ia juga memerlukan sumber dan kakitangan. Jika pihak bersekutu dan rakan-rakan boleh memberikan sumber yang diperlukan, maka radio komuniti boleh menjadi satu mekanisme yang berdaya maju untuk meneruskan kerja-kerja maklumat awam.

5. Penggunaan Rangkaian Media Sosial dan Teknologi Maklumat: Pada masa kini, ramai orang menggunakan komputer dan internet untuk menyebarkan maklumat awam. Ini adalah berkesan untuk mencapai orang-orang yang berada di tempat-tempat yang jauh, walaupun di negara-negara lain, di mana kemudahan itu boleh didapati.

## 4. PENGEMBLENGAN DAN TINDAKAN BESAR-BESARAN

Pengemblemeng dan tindakan besar-besaran adalah penglibatan tersusun penduduk peribumi dalam tindakan, kempen dan perjuangan

untuk objektif dan tuntutan tertentu atau umum berhubung dengan hak asasi penduduk peribumi, termasuk keperluan ekonomi, isu-isu atau kebimbangan. Tindakan besar-besaran juga boleh dilakukan sebagai tindak balas kepada pencabulan hak-hak tertentu. Tindakan besar-besaran dan penggemblengan bertujuan untuk menjana kesedaran, perhatian dan sokongan orang awam untuk tuntutan, isu atau keadaan tertentu, dan untuk mengukuhkan organisasi dan ahli-ahlinya. Kerja-kerja meningkatkan kesedaran, menyusun dan menggembleng orang asli dan pihak sekutu mereka adalah perlu untuk memajukan pengiktirafan dan perlindungan hak asasi penduduk peribumi.

Beberapa contoh tindakan besar-besaran dan penggemblengan adalah:

- Dialog/melobi besar-besaran dengan pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain
- Delegasi besar-besaran untuk piket
- Tunjuk perasaan aman, perhimpunan dan tindakan bantahan lain
- Forum awam mengenai isu-isu tertentu

Melalui penyertaan orang asli yang bersatu dalam tindakan, kempen dan perjuangan secara kolektif:

1. Kita memperoleh pengalaman dan kesedaran orang dapat dipertingkatkan.
2. Perpaduan kita diperkukuhkan dan kepercayaan terhadap kekuatan kita untuk bertindak dan menyelesaikan masalah kita sendiri akan dapat dibangunkan.
3. Kita boleh mendapat manfaat yang konkrit atau menjana perhatian dan sokongan yang lebih baik untuk perjuangan dan kebimbangan kita.
4. Kita boleh mengukuhkan tahap kerjasama dan perpaduan kita dengan kumpulan-kumpulan dan sektor-sektor lain.

## AKTIVITI: LAKON PERANAN - PERANCANGAN TINDAKAN BESAR-BESARAN

Pilih isu yang berkaitan dan memberi kesan kepada majoriti peserta latihan.

Para peserta merancang bersama-sama satu tindakan besar-besaran untuk menangani isu tertentu yang telah mereka memilih. Kenal pasti objektif, bentuk aktiviti, tempat dan masa, para peserta, program, penceramah dan kedudukan atau permintaan yang ingin disampaikan oleh kumpulan tersebut dan sumber-sumber atau bahan yang diperlukan untuk tindakan besar-besaran tersebut. Para peserta kemudian melaksanakan tindakan besar-besaran tersebut. Peserta-peserta yang lain memberikan pemerhatian, komen atau kritikan mereka terhadap tindakan besar-besaran yang telah digambarkan.

## 5. JARINGAN KERJA

Jaringan kerja bermakna menyatukan kelompok penduduk yang luas bagi pelaksanaan kerja yang disusun untuk mencapai objektif yang telah dipersetujui. Pihak yang akan menyertai jaringan boleh datang dari pelbagai sektor, tempat, organisasi atau kelas. Jaringan kerja juga menjana sokongan kepada kebimbangan dan isu komuniti dan organisasi.

### A. Pelbagai jenis jaringan kerja

Jaringan boleh berbentuk jangka panjang (strategik) atau jangka pendek (taktikal) berdasarkan persetujuan kedudukan atau matlamat jaringan. Jaringan juga boleh berbentuk persahabatan yang tidak formal, berdasarkan perbincangan yang jelas tentang bagaimana jaringan boleh membantu antara satu sama lain. Tetapi jika ia lebih membantu organisasi atau perjuangan tertentu, sebuah organisasi atau jaringan yang formal boleh dibentuk. Formal atau tidak formal, ini boleh jadi taktikal atau strategik.

### B. Kepentingan dan objektif jaringan kerja

Jaringan kerja adalah penting jika kita ingin berjaya dalam objektif kita untuk mempromosikan dan mempertahankan hak-hak individu dan kolektif penduduk peribumi, serta kebajikan dan kesejahteraan mereka.



Objektif utama jaringan kerja adalah untuk menyatukan sebahagian besar rakyat untuk objektif yang tertentu dalam usaha membina tindakan dan program yang lebih kukuh dan bersepadu untuk mencapai matlamat dan objektif yang tertentu, iaitu mempromosikan hak asasi penduduk peribumi dan pembangunan yang ditentukan secara diri sendiri.

Objektif jaringan kerja adalah untuk menggembelngkan orang dengan cara yang luas, kuat, bertekad, dan tersusun supaya mereka boleh menjalankan pencapaian objektif dengan berkesan. Objektif jaringan kerja juga adalah untuk melemahkan dan meneutralkan atau mengasingkan mereka yang anti-rakyat dan mereka yang ingin menghalang pencapaian aspirasi penduduk untuk pengiktirafan hak-hak mereka dan untuk masyarakat yang adil dan aman.

### **C. Proses membina jaringan**

1. Membina perpaduan dalam kalangan komuniti dan organisasi penduduk peribumi yang berbeza untuk mempromosikan hak-hak dan kemajuan penduduk peribumi. Berat sebelah adalah harus bagi golongan yang paling miskin antara orang miskin, yang paling terpinggir dan yang paling ditindas. Perhatian khusus harus diberikan kepada orang-orang tua, kerana peranan kepimpinan mereka dan pengaruh mereka dalam komuniti.
2. Memujuk paling ramai orang yang berada di peringkat pertengahan untuk bersatu dengan orang miskin atau mereka yang dipinggirkan.
3. Memujuk orang-orang walaupun dari golongan elit untuk memahami, mengakui dan menyokong isu-isu penduduk terpinggir dan tertindas.

### **D. Prinsip-prinsip bimbingan bagi jaringan kerja**

1. Membina pemahaman dan perpaduan yang lebih luas bagi jaringan dengan asas perpaduan dan program tindakan yang jelas.
2. Kita perlu memaksimumkan aspek positif dalam sistem sosio-politik peribumi dalam membina kerjasama dan perpaduan dengan kumpulan lain. Sebagai contoh, hubungan persaudaraan kita, perjanjian pakatan damai, dan hubungan dua hala yang lain boleh dibangunkan untuk meningkatkan dan memujuk perpaduan mengenai isu-isu dan pembangunan peribumi. Kita seharusnya mengoptimumkan peranan

orang-orang tua dan pemimpin yang dihormati dalam membina perkongsian atau jaringan dengan komuniti dan organisasi lain.

3. Kita membina jaringan berdasarkan kekuatan organisasi dan konsistensi kita dalam prinsip dan kedudukan kita. Untuk menarik pihak lain, mereka harus merasa dan melihat kesungguhan kita dan mempercayai bahawa kita adalah betul. Kekuatan tidak selalunya berdasarkan kelebihan bilangan ahli, walaupun ini telah menjadi amalan biasa. Ada kekuatan yang datang dari prinsip-prinsip dan amalan kita, kedudukan dan pendirian untuk melindungi dan mempromosikan hak asasi dan pembangunan penduduk peribumi.
4. Kita membina jaringan berdasarkan perjuangan dan objektif yang adil. Kita melakukan jaringan untuk mengumpul tambahan kekuatan supaya kita boleh memajukan perlindungan dan promosi hak asasi, kepentingan dan kebajikan kita. Dengan membina jaringan, tidak seharusnya ada kompromi setakat prinsip-prinsip asas dan kepentingan penduduk peribumi ada berkenaan.
5. Kita perlu bersedia untuk memberikan konsesi kepada pihak bersekutu kita. Tetapi konsesi tidak boleh dikompromi. Konsesi yang kita berikan

Kami akan terus memperjuang hak-hak kami! Para peserta latihan di Batang Ai. April 13, 2012.



tidak seharusnya memberi tentangan kepada prinsip-prinsip asas pendirian kita. Kita juga perlu menjaga kebajikan pihak bersekutu kita kerana tiada siapa yang akan menyertai jaringan jika mereka tidak mendapat apa-apa manfaat. Kita tidak harus memonopoli manfaat dan peluang selagi prinsip kita tidak dikompromi.

6. Kita membina jaringan dengan pemahaman dan kesabaran. Kita harus bersabar dalam menerangkan sesuatu perkara supaya kita boleh meyakinkan sektor-sektor dan kumpulan-kumpulan lain mengenai pendirian kita. Kita menerangkan sesuatu perkara bukan hanya sekali tetapi berterusan kerana jaringan kerja menjana kesedaran dan sokongan yang lebih besar.

### **E. Dengan siapakah kita harus membina jaringan?**

Secara umumnya, kita menyertai jaringan dengan mereka yang berkongsi pendirian kita. Ini bermakna bahawa semua orang yang bersetuju dengan pendirian kita harus dan mestilah dipujuk untuk membina perpaduan, kerjasama atau perkongsian yang meluas.

Prinsip pengalaman dan kerjasama kita serta hubungan perpaduan dengan pihak lain akan membimbing kita dalam jaringan kerja kita. Apakah pendirian mereka terhadap isu hak asasi penduduk peribumi, penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti kita yang lalu, dan sikap mereka terhadap sektor-sektor yang terpinggir, khususnya penduduk peribumi? Ini akan menjadi asas kita dalam menentukan siapa yang patut diberi keutamaan dalam jaringan kerja kita dan siapa yang harus menjadi yang pertama sekali untuk kita mendekati dan membina jaringan dengannya.

Tahap pertama dalam jaringan kerja adalah membangunkan perpaduan yang lebih luas dalam kalangan penduduk peribumi. Dengan ini, kita akan berikan keutamaan kepada orang-orang tua tradisional dan pemimpin-pemimpin komuniti yang dihormati, supaya menjadi lebih mudah untuk bersatu dan mendapatkan kerjasama daripada ahli-ahli komuniti dan organisasi. Kita juga perlu berusaha untuk menjadi inklusif, terutama kepada wanita dan belia.

Tahap kedua akan mensasarkan personaliti peribumi dalam kalangan kelas pertengahan atau golongan terpelajar, yang bersimpati dengan perjuangan dan isu-isu kita dan yang boleh dipercayai. Ini termasuklah agensi-agensi atau pegawai-pegawai kerajaan, sektor gereja, ahli akademi, dan lain-lain.

Kita juga perlu mengambil usaha untuk bersekutu dengan aktivis bukan peribumi, peguam bela dan pejuang-pejuang hak asasi penduduk peribumi lain.

### **AKTIVITI: BENGKEL - MEMBUAT PELAN UNTUK JARINGAN KERJA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KEMPEN MENGENAI PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI DAN PEMBANGUNAN PENDUDUK PERIBUMI**

*Kumpulkan peserta-peserta mengikut isu-isu yang biasa dalam kalangan penduduk peribumi yang mereka kempenkan, contohnya kempen menentang perlombongan, empangan, pembalakan atau projek-projek pembangunan yang lain dalam komuniti mereka. Kumpulan-kumpulan tersebut akan berbincang dan merancang bagaimana untuk melakukan jaringan kerja untuk kempen atau isu tertentu yang mereka usahakan. Ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan soalan-soalan panduan di bawah untuk menentukan dengan siapa mereka sepatutnya bersekutu dan bagaimana mereka boleh membentuk jaringan dengan pihak bersekutu sasaran yang telah dikenal pasti oleh mereka.*

Soalan panduan:

- A. Siapakah komuniti/organisasi peribumi yang terjejas oleh isu ini?
1. Siapakah penduduk dan organisasi dalam komuniti yang terjejas oleh isu ini dan boleh digemblengkan untuk mengambil bahagian dalam kempen untuk mengpromosikan hak asasi penduduk peribumi?
  2. Siapakah orang-orang tua dan pemimpin-pemimpin yang dihormati dan berpengaruh dalam komuniti yang boleh kita gunakan untuk membantu dalam kempen kita?
  3. Apakah latar belakang, contohnya keadaan ekonomi dan politik, dan apakah pandangan dan perspektif mereka mengenai cara untuk menangani isu-isu tersebut dan memperbaiki keadaan mereka?
- B. Siapakah personaliti, organisasi dan institusi berpengaruh yang berada di dalam dan di luar komuniti yang boleh kita dekati?
1. Kenal pasti personaliti atau kumpulan berpengaruh (contohnya gereja, organisasi, sekolah, pegawai-pegawai kerajaan tempatan,

- agensi-agensi kerajaan, profesional, dll.) di dalam dan di luar komuniti yang terjejas, prihatin atau berminat dengan isu ini.
2. Apakah kepentingan ekonomi, hubungan politik, latar belakang dan kepentingan mereka?
  3. Apakah pendirian mereka mengenai isu-isu dan hak-hak asasi penduduk peribumi?
- C. Berdasarkan jawapan mereka kepada soalan-soalan sebelumnya, individu dan/atau organisasi yang dikenal pasti boleh dinilai sebagai berpotensi untuk menjadi rakan dan pihak bersekutu, dan rancangan dibuat mengenai cara untuk mendekati dan bercakap dengan individu atau kumpulan tersebut.
1. Siapakah sasaran utama kita untuk jaringan kerja kita?
  2. Bagaimana orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang dikenal pasti boleh didekati dan digalakkan untuk menyokong perjuangan penduduk peribumi?
  3. Apakah jenis dan bentuk aktiviti yang boleh kita menjalankan bersama-sama dengan mereka?
  4. Apakah jenis jaringan atau perkongsian (strategik atau taktikal, rasmi atau tidak rasmi) yang boleh kita bangunkan dengan mereka?

*Pelan ini boleh ditulis di atas kertas kraf dan disampaikan kepada seluruh kumpulan menggunakan matriks berikut:*

Pihak berse- kutu sasaran	Latar belakang ekonomi dan politik	Pendirian ter- hadap hak-hak dan isu-isu pen- duduk peribumi	Jenis jaringan dan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan dengan mereka
Komuniti yang terjejas			
Di dalam komuniti			
Di luar komuniti			

## AKTIVITI: BUZZ WORD - APA YANG TELAH KITA PELAJARI MENGENAI ADVOKASI?

Untuk menutup sesi ini, para peserta diminta untuk menulis frasa pendek pada kad atau sekeping kertas untuk menyatakan perkara yang berikut:

1. Apakah perkara-perkara paling penting yang saya pelajari mengenai advokasi?
2. Apakah jenis advokasi yang saya rancang untuk laksanakan selepas latihan ini apabila saya pulang ke rumah?

Kad dipaparkan di papan, dikelompokkan bersama-sama pembelajaran utama para peserta dan rancangan mereka untuk advokasi selepas latihan.

---

### SUMBER:

"Leadership Training For Indigenous Peoples" (Latihan Kepimpinan untuk Penduduk Peribumi), yang dihasilkan dan diterbitkan bagi Institut Pembelajaran Peribumi untuk Pengupayaan Komuniti (ILI) oleh Jaringan Penduduk Cordillera (CPA) dan Pakatan Penduduk Peribumi Asia (AIPP)

## LAMPIRAN

### DOKUMENTASI KES KEBUAW DAN SUNGAI ILAS MENGENAI PELANGGARAN HAK ADAT ANAK NEGERI

Dokumentasi kes ini telah dikaji dan ditulis oleh pemimpin masyarakat peribumi Kebuaw di Sibü (Sarawak, Malaysia).

#### LATAR BELAKANG DAN SEJARAH SUNGAI ILAS

Sejarah Sungai Ilas bermula dari nenek moyang iaitu Tusin, yang telah digantikan oleh anak saudaranya, Dasun yang kemudiannya digantikan oleh anaknya, Reh dan akhirnya digantikan oleh Munan yang kemudiannya menetap di Sungai Ilas sepanjang hayatnya. Pada masa itu, terdapat kaum Melanau lain yang telah berhijrah lebih awal dari Kampung Tanam ke Kampung Kebuaw ini di kawasan hulu seberang Sungai Kebuaw, yang pertama kali diwujudkan oleh nenek moyang kami, yang bernama Alex, kini diwariskan kepada anaknya, Udi. Selepas beberapa ketika, ahli keluarga ini telah bercampur dan berkahwin sesama sendiri, dan sebahagiannya berkahwin dengan penduduk dari kampung lain. Oleh kerana bilangan ahli keluarga semakin bertambah, mereka mengambil keputusan untuk berpecah dan mewujudkan perkampungan baru iaitu Kampung Baru Sungai Sah dan Kampung Gudang. Adik perempuan Udi bernama Nenek Dayang telah berkahwin dengan Saong yang berasal dari Sungai Kut, yang juga berpindah ke Kampung Baru Sungai Sah.

Jugei Bin Belagiau merupakan tuai rumah bagi Kampung Baru Sungai Sah sekarang. Datuk Munan telah berkahwin dengan Nenek Sedipan yang juga dari keluarga Melanau, yang berhijrah dari Kampung Tanam ke Kampung Kebuaw dan akhirnya mempunyai sembilan orang anak. Salah seorang anak perempuan mereka bernama Buko telah berkahwin dengan Gassan, yang juga berasal dari Kampung Tanam dan telah berpindah ke Kampung Kebuaw. Mereka mempunyai lima orang anak yang kesemuanya adalah lelaki dan salah seorangnya dikenali sebagai Sumen. Akhirnya pada penghujung tahun 2003, kesemua penghuni asal ini telah berpindah ke muara sungai Ilas dan selebihnya ke Kampung Kebuaw.

Sepanjang Sungai Ilas terdapat tiga lubang dan salah satunya dinamakan Lubok Dasun untuk memperingati beliau sebagai salah seorang penduduk asal di situ, manakala dua lubang diberi nama Lubok Meramat dan Lubok Holek. Lubok Meramat dulunya dikenali sebagai Lubok Mohamad; dan Mohamad berasal dari Kampung Muden. Dia telah membuka sebidang tanah untuk menanam padi berhampiran muara Sungai Ilas. Satu lagi lubang yang bernama Lubok Holek untuk memperingati beliau sebagai salah seorang penghuni asal yang akhirnya berpindah ke muara Sungai Igan dan menetap di Kampung Muara Igan.

Tanaman asal yang diusahakan dari dahulu sehingga kini ialah padi dan rumbia, manakala bentuk mata pencarian lain termasuklah memburu haiwan liar, mengail ikan menggunakan kail buatan sendiri bertaliban kulit kayu, memasang perangkap dan menoreh pokok getah dan pokok jelutong, dan getahnya diambil dan dijual. Malah, masih ada yang dilakukan sehingga sekarang seperti memburu haiwan liar dan memasang perangkap.

## SEJARAH KEDATANGAN MASYARAKAT IBAN KE SUNGAI ILAS

Pada masa dahulu, masyarakat Iban mengamalkan kehidupan nomad untuk mencari kawasan yang subur. Ia membuatkan kehidupan lebih mudah kerana banyak ikan dan haiwan liar, ini menurut cerita Encik Limbang Anak Anyau (masih hidup sehingga kini) yang pada mulanya berasal dari Kanowit lalu berpindah ke Sungai Pasai. Kaum Iban yang diketuai oleh Temenggong Kuk mulanya berhijrah secara sementara dari perkampungan di Sungai Pasai Siong dengan menggunakan rakit, ke dua perkampungan iaitu Teluk Rubat dan Kampung Gudang, yang terletak di hulu Kampung Kebuaw.

Kampung ini dinamakan Kampung Gudang kerana terdapat satu gudang untuk menyimpan tepung rumbia (Lementak) yang dibina oleh orang-orang Cina pada pertengahan abad ke-18. Penghijrahan ini dialu-alukan oleh masyarakat Melanau di situ dengan syarat bahawa mereka harus saling bertolak-ansur dan hormat-menghormati, dan melindungi perpaduan dalam kalangan masyarakat, budaya dan adat resam masing-masing. Kemudian, mereka berpindah ke Kampung Baru Sungai Sah dan akhirnya berpindah ke muara Sungai Ilas, diketuai oleh ketua kampung Rantai anak Mang yang berasal dari perkampungan Sungai Banyok, manakala selebihnya berpindah ke kawasan Sungai Bekumah di akhir pemerintahan Rajah James Brooke. Beliau merupakan pengganti ketua kampung Nyalong, yang kemudiannya diambil alih oleh ketua kampung Cagui. Kemudian,



kedudukan ketua kampung telah digantikan oleh ketua kampung Mangai yang telah dilantik oleh masyarakat sebelum sebelum kedatangan Jepun.

Susunan keturunan bermula dari ketua kampung Mangai, kemudian anak perempuannya Sambai, kemudian kepada anak lelakinya bersama Juan iaitu Nanta. Anak perempuannya Nangkuk telah berkahwin dengan lelaki kaum Melanau dan mempunyai seorang anak lelaki bernama James Bin Awat, keturunan berterusan akhirnya kepada anak lelakinya iaitu Richard James (masih hidup sehingga kini). Apabila ketua kampung Mangai meninggal dunia, beliau telah digantikan oleh ketua kampung Bujang selama dua tahun, kemudiannya digantikan oleh ketua kampung Bangit.

Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi rumah panjang lain di kawasan yang sama iaitu di bawah ketua kampung Liang dan kemudiannya digantikan oleh ketua kampung Itang. Penghuni rumah panjang ini akhirnya berpecah kepada dua kelompok masyarakat. Kelompok pertama di bawah pemerintahan ketua kampung Morris dan kelompok kedua di bawah pemerintahan ketua kampung Diana yang masih wujud. Tanaman utama yang diusahakan ialah padi dan rumbia. Penanaman pokok buah-buahan



Pemimpin masyarakat, Sumen bin Gasan menunjukkan peta komunitinya dan sejauh mana tanah yang diambil oleh sebuah syarikat minyak sawit.

bentuk mata pencarian yang lain adalah sama seperti kaum Melanau iaitu memburu haiwan liar, memasang belukak (perangkap), mengail ikan dan mengutip susu getah atau menorah nyelutong/jelutong.

Semasa kedatangan British pada tahun 1930an, pembukaan beberapa bidang tanah untuk penanaman pokok getah telah bermula, dan pada masa yang sama orang-orang Iban di sini telah berunding dengan masyarakat Melanau dari Kampung Muden untuk menanam padi berhampiran kawasan mereka. Masyarakat Iban terus bercucuk-tanam di situ selepas mereka mencapai kata sepakat sehingga sekitar tahun 1963, walaupun aktiviti ini secara beransur-ansur dihentikan. Pada masa ini, terdapat empat buah rumah panjang di sekitar muara Sungai Iilas dan rumah panjang ini ialah Rumah Bangit, Janting, Diana dan Suwai, dengan jumlah penduduk seramai kira-kira 550 orang.

Sumber utama kehidupan mereka ialah penanaman pokok rumbia, manakala sumber lain ialah memburu haiwan liar, menangkap hidupan air menggunakan jaring, pukut tunda, jala, memasang perangkap, dan menanam padi serta buah-buahan atau sayur-sayuran.

Kampung Kebuaw dan Kampung Baru Sungai Sah terletak kira-kira tiga setengah batu (5.6 kilometer) dari Sungai Kut, Batang Igan (Sungai Igan), di Daerah Dalat di Bahagian Mukah, Sarawak. Penduduk bagi kedua-dua kampung ini pernah mengamalkan kepercayaan tradisional (Melanau Liko or pagan) pada suatu ketika dahulu dan kini berjumlah seramai 123 buah keluarga dengan keseluruhan penduduknya dalam lingkungan 720 orang. Kira-kira 70% telah menganuti agama Kristian, 25% daripada penduduk tersebut masih mengamalkan adat tradisi "Melanau Liko atau pagan" dan 5% adalah orang Islam kerana mengahwini masyarakat luar dari Kampung Kebuaw.

Pada masa yang sama, masyarakat Melanau di sini turut bercampur dengan masyarakat Dayak Iban dari empat buah rumah panjang, yang mana mereka mempunyai hubungan baik seperti adik-beradik walaupun mereka berbeza dalam budaya, adat, tradisi dan kepercayaan. Mereka saling hormat-menghormati antara satu sama lain dan mereka saling bantu-membantu antara satu sama lain pada waktu yang diperlukan, tidak mengira keadaan: kematian, perhimpunan, perayaan Gawai Dayak, hari Natal dan Festival Kaul untuk masyarakat Melanau. Mereka juga berkongsi tanah hak adat anak negeri (NCR) wilayah nenek moyang atau Guun Kinah dalam bahasa Melanaunya.

Masyarakat di sini agak keterbelakang dalam pembangunan, terutamanya bagi kemudahan awam seperti bekalan elektrik, air dan jalan raya. Satu-satunya pengangkutan mereka adalah bot. Empat buah rumah panjang di Sungai Ilas berkongsi sempadan yang sama dengan Kampung Muden berdasarkan pusat sungai yang mana aliran terpecah kepada dua arah, yang mengalir ke arah muara sungai. Tempat ini dikenali sebagai Sungai Rogda. Keluasan kawasan untuk kesemua kampung-kampung ini adalah kira-kira 6,000 hektar.

Empat buah rumah panjang masyarakat Dayak Iban yang di maksudkan di atas ialah terdiri daripada Rumah Bangit, Janting, Suwai dan Diana, yang terletak di muara Sungai Ilas, Batang Igan Ilas, Daerah Dalat, Bahagian Mukah. Tetapi kesemua penduduk Rumah Diana tidak dapat mengambil bahagian dalam kes ini kerana mereka telah menjual hak adat anak negeri (NCR) mereka kepada syarikat.

Penduduk daripada tiga rumah panjang yang lain terdiri daripada masyarakat Dayak Iban yang merangkumi 51 keluarga (isi rumah) dengan jumlah penduduk kira-kira 550 orang. Kira-kira 60% daripadanya adalah Kristian, 38% masih mengamalkan kepercayaan dan adat resam tradisional



Pesta Kaul masyarakat Melanau di Sungai Kut diadakan setiap tahun pada tanggal 2 Jun.



Perayaan tahunan Pesta Gawai Dayak oleh masyarakat Iban di Sungai Ilas diadakan setiap tahun pada tanggal 31 Mei. (Upacara Ritual Tradisional Masyarakat Iban).




Adat istiadat perkahwinan masyarakat Iban pada masa kini. (3.6.2012)


Dayak Iban, dan 2% mengamalkan Islam. Mereka mempunyai kehidupan sosial yang sangat harmoni.

Secara amnya, para pemimpin masyarakat penduduk peribumi pada masa kini tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan mengadili kes-kes berkaitan hak adat anak negeri (NCR). Hierarki kepimpinan masyarakat mengikut susunan berikut: Temenggong, Pemancha, Penghulu dan Ketua Kampung. Dan kerana itu, semua kes NCR kini perlu dibicarakan di Mahkamah Sivil (Mahkamah Tinggi) di Negeri Sarawak.

Perkara yang paling jelas ialah Mahkamah Anak Negeri di Sarawak kini telah dipolitikkan oleh kerajaan. Kami juga mengalami keadaan ini setiap kali orang luar atau kapitalis mencerooboh ke dalam tanah NCR, yang mana pihak berkuasa sentiasa menyalahkan penduduk peribumi.



Hak milik tanah yang dikeluarkan oleh Kolonial British pada 19 Jun 1961 kepada Bangit Anak Anyau. Tanah itu terletak di Tanjung Balau.




Cukai Tanah bagi tanah hak adat (NCR) yang di bayar di Pejabat Residen Bahagian Sibn pada 17 Februari 1938 oleh datuk kami iaitu Nyabu Bin Semun. Tanah ini telah didaftarkan pada tahun 1931.

## PENGIKTIRAFAN OLEH KERAJAAN BRITISH

Semasa zaman penjajahan, British sangat menghormati hak adat anak negeri. Mereka tidak mencerooboh atau menyerang tanah NCR. Mereka juga mengeluarkan satu geran atau hak milik kepada tanah tersebut sama ada secara individu atau berkumpulan, dan wilayah domain diiktiraf. Salah satu bukti geran atau hak milik bagi NCR masih dalam jagaan kami setakat ini, yang terletak dalam Kampung Kebuaw dan Sungai Ilas, Batang Igan.

Berdasarkan peta yang dilakarkan pada tahun 1956 oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak, iaitu berdasarkan foto udara Tentera Udara Diraja (RAF) pada tahun 1950, sebahagian daripada kawasan Kebuaw dan Sungai Ilas sudah diusahakan oleh penduduk peribumi untuk pertanian. Jika kita bandingkan dengan peta yang dilakarkan pada tahun 1979 oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak, iaitu berdasarkan foto udara Tentera Udara Diraja (RAF) pada tahun 1968, sebahagian besar kawasan Kebuaw dan Sungai Ilas selepas tahun



Perbandingan peta kawasan Kebuaw pada tahun 1956 dan 1979

1956 berubah menjadi pelbagai kelas/jenis penanaman seperti penanaman rumbia, pokok getah matang, ladang penanaman berpindah, penanaman kekal dan perkebunan campuran.

## SUNGAI ILAS/KEBUAW SEMASA KERAJAAN MALAYSIA/NEGERI SARAWAK

Sejak kerajaan telah ditubuhkan di Negeri Sarawak, kami sebagai penduduk Kampung Kebuaw dan penduduk rumah panjang di Sungai Ilas, Batang Igan, hanya menerima projek laluan pejalan kaki kayu (titi), tangki air (untuk takungan air minuman), bangunan sekolah rendah, 5 unit rumah, 2 bot dan 2 unit enjin sangkut.

Laluan pejalan kaki kayu hanya projek kecil, manakala projek-projek perumahan percuma untuk golongan miskin hanya diberikan kepada lima keluarga yang layak di Kampung Sungai Kebuaw dan Kampung Sungai Ilas. Begitu juga, bot dan enjin hanya diberikan kepada dua keluarga dari kawasan kami yang dianggap layak.

Kerajaan tidak mengambil berat tentang keperluan dan kebajikan masyarakat Melanau di Kampung Kebuaw dan masyarakat Iban di empat rumah panjang di Sungai Ilas. Begitu juga dengan Kerajaan Negeri Sarawak yang tidak menghormati NCR penduduk peribumi di kawasan itu. Mereka juga tidak melaksanakan apa yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dengan UNDRIP (Deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Penduduk Peribumi).

Kami telah menghantar surat permohonan kepada Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak untuk meminta penandaan bagi tanah kami dan mengeluarkan geran kepada kami, tetapi mereka menolak permohonan kami.

Permohonan kami telah dikemukakan seawal tahun 1980-an, dan salinan permohonan ini masih dalam jagaan kami sebagai bukti usaha berterusan kami untuk merayu kepada pihak berkuasa, surat tersebut bertarikh 21 November 1988 dan 18 Januari 1991.

Walau bagaimanapun, jawapan mereka menunjukkan bahawa kami tidak layak. Sebahagian daripada surat-menyurat telah disertakan di muka surat berikut sebagai bukti.

Kampung Isbuaw,  
Batang Igan, Sibn.  
21 November, 1988

Penguasa Tanah dan Ukur,  
Bahagian Sibn,  
96000 Sibn.

Tuan,

Per: Permohonan Untuk Mengukur Tanah di Kebuaw  
Batang Igan, Sibn.

Saya, Beruang Bin Pau ( BID.K.400917 ) serta rakan-rakan saya seperti nama yang tercatat di bawah ini, ingin memohon jasa baik dari pihak tuan untuk mengukur tanah kami yang terletak di Kebuaw, Batang Igan, Sibn.

2. Kami menghadapi masalah tentang sempadan tanah yang kadangkala mengakibatkan pencerobohan ke atas tanah yang bersebelahan dengan tanah kami dengan tidak disedari atau disengajakan. Oleh yang demikian kami sangat-sangat berharap agar pihak tuan dapat membantu kami mengatasi masalah tersebut dan seterusnya menyukat tanah-tanah tersebut mengikut sempadan dan keluasan yang diperseetujui bersama.

3. Untuk makluman pihak tuan tanah-tanah tersebut adalah digunakan untuk tanaman sulong dan untuk kemudahan pihak tuan kami serta ..... kan di sini satu salinan plan ( bertanda merah ) yang menunjukkan lokasi tanah tersebut.

4. Sekali lagi kami dengan rasa berbesar hati dan penuh penghargaan mengharapkan agar permohonan kami mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dari pihak tuan.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



( Beruang Bin Pau )

Disaksikan oleh Penghulu Kebuaw:



\* Senarai nama pemohon disertakan di sebelah.

Di atas ialah surat permohonan kami bertarikh 21 November 1988.



Rumah Bangit ak. Anyau,  
Sungai Ilas, Batang Igan,  
P.O. Box 1404,  
96008 Sibü,  
Sarawak  
18th January, 1991

---

Director,  
Land and Survey Department Hq.,  
Kuching

Dear Sir,

Application for land  
=====

Sago is an important cash crop now and we, the Ibans from Sungai Ilas, Batang Igan, Sibü, Sarawak, Malaysia, wish to plant and cultivate the said crop. We shall start the cultivation soon.

I, an attorney to Ibans who inhabited the Sg. Ilas area, Batang Igan, Sibü, Sarawak, wish to apply for land located at Forest Reserve at Sg. Ilas, to cultivate sago.

For better identification, please refer to the map attached. The said land is delineated red on the map attached.

Your consideration is very much appreciated.

Thank you.

Yours faithfully,


*Bangit*  
..... TR. BANGIT AK. ANYAU  
SG ILAS,  
(Tuai Rumah Bangit ak. Anyau) HIG. IGAN,  
SIBÜ  
K.329791

cc Resident, Resident Office, Sibü  
District Officer, District Office, Sibü  
Section Forest Officer, Forest Department, Sibü

Di atas ialah surat permohonan yang lain bertarikh 18 Januari 1991.

Telefon:  
Telegraf: LÁND\$

Rujukan Fail: 8/AL.Sibu 3/88  
Surat Tuan:



JABATAN TANAH DAN UKUR.  
SIBU, SARAWAK.  
MALAYSIA.  
28 Disember 1988

Encik Beruang b. Pau dan rakan-rakan,  
C/o. Geruni S. Alip,  
Jabatan Tanah dan Ukur,  
96000 Sibu.

Tuan-tuan,


Permohonan Tanah di Kebuaw Btg. Igan, Sibu

Gaya merujuk kepada surat tuan bertarikh 21.11.1988 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan tuan sedang menerima perhatian dan tuan akan dihubungi lagi apabila keputusannya dicapai nanti.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

Yang benar,

  
(Ong Kho Lal)  
b/p. Penguasa Tanah dan Ukur,  
Bahagian Sibu.

WVC/NIB

Ini merupakan jawapan daripada Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sarawak bertarikh 28 Disember 1988. Pihak berkuasa ini tidak mengambil sebarang tindakan.

Telefon:  
Telegraf: LANDS

Rujukan Fail: 2/9-2/8(5)  
Surat Tuan:

Tuai Rumah Bangit ak Anyau,  
Rn. Bangit,  
Sg. Elias Batang Igan,  
Sibu.

Tuan,

Per: permohonan untuk menyukat tanah  
di Kawasan Sg. Elias dan Kampung  
Kebuan Batang Igan


Surat tuan yang bertarikh 16.12.1991 yang  
dialamatkan kepada pegawai Daerah, Matu menerusi saya  
berhubung dengan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa tanah  
yang dituntut berasaskan hak adat bumiputera biasanya  
disukat dan diasasat dengan tujuan mengeluarkan surat  
hakmilik apabila tanah tersebut diisytihar di bawah  
bahagian V Kanun Tanah Negeri (Sab. 81).

3. Memandang kepada kedudukan tanah yang  
dimaksudkan itu tidak termasuk dalam sebarang kawasan  
penyelesaian yang sedia ada, maka dukacita dimaklumkan  
bahawa permohonan tuan tidak dapat ditunaikan pada  
masa sekarang. Namun demikian, permohonan tuan telah  
dicatat untuk pertimbangan di masa akan datang.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

Yang benar,


  
(OSMAN BIN PEMOAN)  
b.p. Penguasa Tanah dan Ukur,  
Bahagian Sarikei.

JABATAN TANAH DAN UKUR  
96109 SARIKEI, SARAWAK  
MALAYSIA  
10.2.1992

Ini merupakan jawapan daripada Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sarawak bertarikh 10 Februari 1992. Pihak berkuasa ini tidak mengambil sebarang tindakan.

Kami juga mempunyai bukti kukuh daripada kerajaan, yang mana syarikat pembalakan telah didenda mengikut undang-undang adat kerana mencerooboh ke tapak perkuburan suci bagi masyarakat Iban dan Melanau. Tapak tersebut terletak di muara Sungai Anak Besar, anak sungai kepada Sungai Ilas, selepas kami memfailkan saman Pencerobohan Perkuburan Sungai Ilas pada 11 Januari 1998.

Terdapat pihak yang prihatin mengenai kes tapak perkuburan Sungai Ilas ini, seperti Jabatan Kerajaan Negeri, iaitu Jabatan Polis Cawangan KPD Matu/Daro. Pada 21 Januari 1998 syarikat itu telah didenda dengan RM 3,000 bagi kesalahan itu. Syarikat yang dimaksudkan ialah Hua Seng SDN BHD. Surat-menyerut tersebut dilampirkan di muka surat berikut.



Ini bukti surat-menyerut yang di maksudkan (pp. 67 & 68).

(REJLI B. SULAIMAN) L/PL 15912  
PONDOK POLIS  
POLIS DIRAJA MALAYSIA  
KUALA IGAN  
39000 SIBU


TR Daryst aka Anyan 20/1/98  
Drama -  
Ipin B. Jirit .

Tuan:

Per: penyerahan wang tunai

Adalah saya diarah oleh Tuan ICPD  
Maly/Daro berhubung dengan perkara  
diatas pada 21/1/98 jam 930 pagi  
di pejabat pondok polis Igan.

Setian untuk makluman dan perhatian  
Tuan Tuan.

  
(Rejli Sulaiman)

## KEMASUKAN SYARIKAT

Pada mulanya, kerajaan telah mengeluarkan lesen kepada sebuah syarikat pembalakan. Syarikat tersebut kemudian mula beroperasi di tanah NCR pada tahun 1993 dan berterusan sehingga tahun 2005. Mereka mengadakan operasi selama 12 tahun. Sekarang kawasan milik nenek moyang kami telah hilang.

Pada 28 November 2010, kami mendapat tahu bahawa syarikat SARANANAS SDN.BHD telah menceroboh tanah NCR kami. Kami cuba untuk menghentikan dan menghalang mereka daripada meneruskan aktiviti pembersihan di atas tanah adat kami pada hari yang sama. Kami membina sekatan untuk menghentikan syarikat itu daripada memasuki, tetapi mereka menolak. Pada masa yang sama syarikat lain telah menceroboh ke dalam kawasan milik nenek moyang kami: Pelita Holdings Sdn. Bhd. Komuniti Kampung Kebuaw dan komuniti rumah panjang Sungai Illas terkejut dengan penemuan syarikat kedua ini.

Pada 27 Januari 2011 kami telah dipanggil untuk menghadiri dialog dengan Jabatan Tanah dan Ukur (DLS) - Bahagian Mukah, di Pejabat Daerah Kecil Igan, yang mana kami diberitahu oleh pegawai dari DLS, Encik Bujang Raden bahawa PL (Pajakan Sementara) bagi Lot 271 Blok 56 telah dikeluarkan kepada Sarananas Sdn.Bhd. dengan keluasan 2,517 hektar.

Dialog itu dihadiri oleh pegawai DLS yang kemudiannya memberitahu kami bahawa kami tidak mempunyai hak ke atas tanah hak adat anak negeri kami kerana PL telah pun dikeluarkan kepada syarikat tersebut. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah kawasan tanaman kami, bekas tapak rumah lama kami (Tembawai), sawah padi (temuda, pengerang), dan hutan simpanan kami.

## PENCEROBOHAN OLEH SYARIKAT SARANANAS SDN. BHD.

Syarikat Sarananas Sdn. Bhd. terlibat dalam perladangan kelapa sawit berskala besar di kawasan tanah NCR kami. Syarikat itu memperoleh kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk memulakan perladangan kelapa sawit di Blk 56 Lot 271 dengan keluasan 2,517 hektar, untuk tempoh 60 tahun, bermula 3 September 2008 hingga 3 September 2068. Pemegang saham utamanya adalah Roziah Mahmud, adik kepada Ketua Menteri Sarawak, Taib Mahmud. Sila

rujuk kepada ekstrak yang dilampirkan mengenai butiran Sarananas Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Syarikat kedua yang mencero boh tanah hak adat kami ialah Pelita Holdings Sdn. Bhd, sebuah syarikat yang terlibat dengan perladangan rumbia, telah mencero boh tanah nenek moyang kami dengan keluasan 3,772 hektar. Kami tidak mempunyai butir-butir maklumat mengenai syarikat yang kedua ini kerana kami tidak mempunyai cara untuk mengakses maklumat tersebut atau kami dilarang untuk mendapatkan butir-butir syarikat tersebut.

Apabila kita mengetahui bahawa tanah-tanah NCR kami telah diceroboh, kami mengadakan satu lagi mesyuarat tergepar dalam kalangan penduduk peribumi. Dalam mesyuarat ini, kami berjaya menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Tindakan bagi Tanah Adat Kampung Kebuaw, Kampung Baru Sungai Sah Kebuaw dan empat rumah panjang sepanjang Sungai Ilas. Rumah panjang Bangit terletak di sepanjang Sungai Ilas, Batang Igan. Mesyuarat itu ialah pada tahun 2011. Senarai ahli-ahli jawatankuasa ditunjukkan di halaman berikutnya.

Kami mengadakan sekatan sebanyak tiga kali untuk menghentikan syarikat itu daripada terus mencero boh tanah anak negeri kami yang terletak di hulu Sungai Ilas. Syarikat itu turut memusnahkan pokok rumbia kami. Terdapat beratus-ratus penduduk peribumi yang memiliki tanah adat anak negeri dan yang mengambil bahagian dalam sekatan tersebut, untuk menuntut pemberhentian operasi serta-merta dan meninggalkan wilayah kawasan milik nenek moyang kami.

Kami juga membuat laporan kepada pihak polis sebanyak tiga kali tetapi tidak ada tindakan yang diambil dari pihak polis.

Kami telah mengadakan dialog dengan syarikat itu sebanyak dua kali, tetapi tiada keputusan telah dicapai. Walaupun tanpa persetujuan kami sebagai penduduk peribumi, syarikat itu memutuskan untuk meneruskan operasi mereka yang merosakkan itu. Malangnya, kami tidak mempunyai minit dialog tersebut.

Syarikat itu telah melanggar hak kami dengan mencero boh tanah hak adat anak negeri kami dan upacara tradisional masyarakat Iban Dayak (Piring pangul) dan Simah bagi masyarakat Melanau. Kerajaan juga melanggar hak-hak kami dengan mengeluarkan pajakan sementara ke atas tanah NCR kami

dan juga tanah hak milik individu yang telah diiktiraf oleh koloni British berdekad yang lalu. Kerajaan tidak menjalankan siasatan lapangan (inkuiri tanah) sebelum meluluskan pajakan sementara.

Setakat yang kami perhatikan, mereka tidak pernah menjalankan kajian alam sekitar atau laporan EIA sebelum memulakan operasi perladangan kelapa sawit. Mereka juga menjalankan aktiviti di luar batasan, seperti menutup saluran Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga sebahagian daripada Sungai Illas yang telah berada di sana selama beberapa dekad. Tidak ada penerimaan pampasan daripada syarikat.

Syarikat itu juga telah merosakkan tanah perlindungan kami, seperti bekas tapak rumah lama (Tembawai), mata air, kawasan memburu, dan kawasan-kawasan di mana kami mengumpul rotan, kayu dan menoreh jelutong atau getah. Akhir sekali, kewujudan syarikat itu telah menyebabkan ketidakstabilan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat setempat.

Kami menuntut tanah hak adat anak negeri (NCR) diiktiraf oleh Kerajaan Negeri, dan untuk syarikat itu segera menghentikan operasi dan meninggalkan tanah nenek moyang kami.



Kesan-kesan daripada pencerobohan oleh Syarikat Sarananas Sdn. Bhd.



Kita juga menuntut kerajaan sedia ada untuk merawat dengan keprihatinan yang serius mengenai hak asasi penduduk peribumi.

	<p>JAWATANKUASA TANAH SG. ILAS/KAMPUNG KEBUAW, DAERAH KECIL IGAN, 96400 MUKAH.</p> <p>No. H/F: 0194694071 E-mail: <a href="mailto:lopenbinjirit@gmail.com">lopenbinjirit@gmail.com</a> Ruj. Kami: 1/01/JKTSIKK Tarikh: 11 APRIL, 2011</p>
<p>Penasihat: TR Bangit</p>	<p>Yang Berhormat Datuk Amar Awg. Tengah Ali Hassan, Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber Kedua Sarawak, KUCHING.</p>
<p>Timb. Penasihat KK Jugj</p>	<p>Yang Berhormat,</p>
<p>Pengerusi: Sumen bin Gasan</p>	<p><b>MEMOHON PENGUKURAN KELILING DAN PEMBERIAN HAK MILIK TANAH DI KAWASAN SG. ILAS DAN KPG. KEBUAW, BTG. IGAN.</b></p>
<p>Naib Pengerusi: Balau anak Mit</p>	<p>Kami yang bertandatangan di bawah, mewakili para peneroka tanah di kawasan Sg. Ilas dan Kampung Kebuaw, Btg. Igan, Mukah, dengan ini ingin memohon perkara tersebut di atas seperti yang sedang rancang dijalankan di kawasan-kawasan lain di negeri Sarawak. Sila rujuk Lampiran I dan Lampiran II.</p>
<p>Setiasuaha: Joseph bin Sirai</p>	<p>2. Ini adalah untuk memastikan tanah-tanah tersebut menjadi hakmilik kami yang telah mengusahakan tanah-tanah ini sekian lama sehingga kebanyakan daripadanya telahpun mengeluarkan hasil walaupun dalam rekod Jabatan Tanah dan Survei ianya masih kosong sehingga kami difahamkan ianya telah memberi kawasan tersebut kepada sebuah syarikat swasta.</p>
<p>Pen. Setiasuaha: Unggang ak Belon</p>	<p>3. Subkontraktor kepada syarikat tersebut telah "menceroboh" kawasan yang kami telah usahakan dan telah menebang tanaman kami tanpa mengira tanaman-tanaman tersebut telah mengeluarkan hasil. Ini telah menimbulkan masalah dan ketegangan telah berlaku di antara subkontraktor tersebut dengan pihak kami. Ini telah menjadi kes polis.</p>
<p>Pendehari: Apeng bin Udi</p>	<p>4. Tanah-tanah ini telah kami usahakan dengan bantuan : 4.1. Jabatan Parit dan Taliair yang telah membuat 5 buah parit dan taliair; 4.2. Jabatan Pertanian yang telah memberi subsidi kepada beberapa orang daripada kami.</p>
<p>Pen. Bendahari: Jemat bin Mang</p>	<p>5. Tanah yang kami pohon untuk diukur ini memang sudah ditanam dengan rumbia dan tanaman-tanaman lain dan kebanyakan daripadanya telah pun mengeluarkan hasil bukannya dalam proses untuk diusahakan.</p>
<p>AJK: TR Janting ak Agar TR Suai Atin bin Gerudang Supin b Gerudang Lou ak Jam Das b. Mabut Lopen bin Jirit Saling b. Sanyut Lang ak Bilun Morni b. Sitan</p>	<p>6. Adalah menjadi harapan kami bila ianya mengeluarkan hasil sepenuhnya kelak ia mampu memberi pendapatan yang lumayan sehingga membolehkan kami mendapat pendapatan sederhana sejajar dengan kehendak kerajaan bila negara kita mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020 kelak. Jika hanya mengharapakan dengan bekerja sebagai buruh di ladang yang dicadangkan itu, sampai bila-bila masa pun</p>
<p>Juruudit Dalam: Haslina bt Alau</p>	

Senarai AJK yang dimaksudkan tercatat di sebelah kiri.



Pembakaran terbuka yang dilakukan oleh Syarikat Sarananas Sdn. Bhd. telah merebak masuk ke kawasan tanah milik orang kampung dan merosakkan tanaman pokok rumbia.



Kerosakan yang nyata oleh Syarikat Sarananas Sdn. Bhd.



Campur tangan oleh pihak polis yang lebih memihak kepada Syarikat Sarananas Sdn. Bhd.



N 02 49' 46.4" E111 48' 20.6" (Titik GPS).

Keadaan Sungai Ilas yang rosak teruk kerana pembinaan jalan oleh Syarikat Sarananas Sdn. Bhd. yang mana menyekat aliran sungai.









## MENGENAI BUKU KECIL INI

Buku ini adalah himpunan modul yang digunakan dalam latihan membina kapasiti dalam masyarakat penduduk peribumi di Sarawak (Malaysia), khususnya di Kebuaw (Sibu) dan Batang Ai (Lubok Antu). Ia bertujuan untuk memberikan panduan dan sebagai pengulas untuk pemimpin-pemimpin komuniti yang mengambil bahagian dalam pelbagai latihan dan kini terlibat dalam menyediakan latihan yang sama kepada komuniti-komuniti, yang mempertahankan hak-hak mereka ke atas tanah adat anak negeri mereka.



**aidenvironment**

